

Jilid I
Bil. 20



Hari Isnin
3hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2625]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 2662]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 2662]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (TELUK INTAN).
- „ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ **TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh),**
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

- Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
,, TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
,, TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
,, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
,, TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
,, TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
,, TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
,, DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
,, TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
,, TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
,, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
,, DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
,, TUAN P. PATTO (Ipoh).
,, TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
,, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
,, TUAN PITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
,, DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
,, DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
,, TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
,, PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
,, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
,, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
,, TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
,, TUAN DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
,, TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
,, TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
,, DR TAN SENG GIJAW (Kepong).
,, TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 3hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengurusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 1 Y. B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir)

PENAGIH DADAH—BILANGAN

2. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah di negara kita untuk tahun 1980-1985 (iaitu 1980, 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985), apakah tindakan-tindakan yang diambil kepada mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bilangan penagih dadah yang dikesan di negara kita pada tahun-tahun 1980-1985 adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Bilangan dikesan Tiap-tiap Tahun</i> |
|--------------|---|
| 1980 | 7,154 |
| 1981 | 10,391 |
| 1982 | 13,363 |
| 1983 | 14,624 |
| 1984 | 11,915 |
| 1985 | <u>6,356</u> |
| Jumlah .. | <u>63,803</u> |

Mereka yang ditangkap dikenakan hukuman penjara (dibawah Seksyen 15 Akta Dadah Merbahaya 1952) atau diperintah oleh Mahkamah untuk menjalani rawatan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah atau dikenakan perintah pengawasan seperti di bawah peruntukan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Terdapat juga sebilangan penagih-penagih yang tampil secara sukarela dan diberi rawatan.

Seramai 24,927 atau 30.07% telah menerima rawatan dan pemulihan melalui Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah sama ada di dalam atau di luar institusi, (iaitu 8,537 penagih dimasukkan dalam Pusat Rawatan dan Pemulihan Kerajaan, 16,389 penagih menerima rawatan pemulihan di luar institusi (secara pengawasan dalam masyarakat)). Pihak penjara pula di sepanjang tempoh tersebut telah mengendalikan lebih kurang 6,000 penagih yang telah ditahan di penjara atas berbagai kesalahan termasuk kesalahan penagihan dadah di bawah Seksyen 15 Akta Dadah Merbahaya, 1952.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi prestasi pemulihan yang dijalankan oleh Kementerianya iaitu berapa peratus orang penagih dadah yang telah ditahan di Pusat Pemulihan yang tidak menggunakan dadah lagi selepas rancangan pemulihan itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, satu hujah yang digunakan oleh pihak Kerajaan untuk meluluskan Akta

Dadah Merbahaya ialah supaya ianya boleh merupakan satu deterrant. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi bukti ataupun angka, jikalau boleh membuat demikian tanpa notis dan bagaimanakah Akta itu telah maju-jaya untuk tugas sebagai satu deterrant oleh kerana memandangkan khususnya peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini melanggar hak-hak asasi kemanusiaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, peratus pemulihan penagih-penagih dadah yang telah masuk ke institusi-institusi ini mengikut penilaian yang telah kita buat ialah dalam 30%. Ini disebabkan banyak faktor-faktor lain. Sungguhpun apabila mereka keluar daripada Pusat-pusat Pemulihan ini kita dapati masa mereka keluar daripada pagar Pusat Pemulihan ini hampir-hampir 100% mereka itu telah pulih, tetapi apabila keluar pada masyarakat, kita lihat kerana masalah-masalah di luar di mana 30% daripada penagih-penagih dadah yang masuk dalam pemulihan dadah ini didapati ibubapa mereka tidak tahu di mana. Jadi, bila mereka balik dalam masyarakat tidak tahu di mana ibubapa, kawan-kawan pun tidak mahu mendampingi mereka akhirnya mereka menceburkan diri balik kepada kawan-kawan lama. Ada masalah-masalah lain, itulah sebabnya hanya kita dapat di antara 25 ke 30% sahaja yang telah menjalani pemulihan ini yang dianggap benar-benar pulih. Dari segi Akta yang telah kita luluskan apakah kekesanannya terhadap masyarakat ataupun penagih dadah, kita lihat kekesanannya adalah begitu ketara, kerana jika dahulu tidak ada penagih-penagih yang berani untuk melaporkan diri secara sukarela untuk mendapatkan rawatan, kita lihat ramai daripada penagih-penagih ini telah tampil ke hadapan secara sukarela untuk mendapatkan pemulihan, kerana mereka tahu, kalau mereka

lanjutkan perbuatan mereka itu musnahlah diri mereka. Dan kita lihat juga penyeludupan yang dijalankan juga berkurangan dari segi quantiti apabila dimasukkan dadah ini ke dalam negeri, iaitu sukar sekali kita dapat tangkap yang begitu besar, habis besar mungkin kita dapat dalam 8 ke 10 gm—tidak melebihi daripada 15 gm dan ini menunjukkan bahawa kekesanannya yang terdapat daripada Akta ini memanglah ternyata.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sungguhpun tahun 1980 hingga 1985 jumlah penagih dadah di negara kita adalah seramai 63,803 orang. Jadi, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri sama ada jumlah ini merupakan kesemua warganegara kita ataupun tidak. Jika sekiranya semua mereka yang terlibat ini adalah merupakan warganegara kita, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalaulah ada angka di sini memberi angka mengikut pecahan kaum.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, angka yang telah diberi ini ialah di antara 80 ke 85 tetapi angka sebenar yang telah kita dapati daripada tahun 1976 sehingga hari ini ialah 117,000 dan ini merupakan angka yang telah didaftar. Dan mengikut penilaian Bangsa-bangsa Bersatu, jika seorang yang kita dapat kesan, bermakna ada 4 orang lagi di belakangnya. Jadi dapatlah kita kalikan berapakah sebenarnya penagih keseluruhan negara iaitu kalau 117,000 dikalikan dengan 4 atau 5 maka ianya hampir-hampir setengah juta.

Saya tidak dapat memberikan angka yang benar tepat mengikut kaum tetapi mengikut peratus, kaum Melayu merupakan peratus yang tinggi iaitu hampir-hampir 58% dan kaum India melebihi daripada peratus rakyat India

negara ini, iaitu 13% yang mana rakyat India ialah 10% sahaja, tetapi penagih dadahnya ialah 13%. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dicapada jumlah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tadi tentang penagih dadah, adakah Kementerian telah membuat kajian tentang latar belakang penagih-penagih dadah itu? Sekiranya sudah apakah kesimpulan yang didapati oleh pihak Kementerian?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa 60% daripada penagih dadah ini datang daripada masalah keluarga, dan masalah keluarga ini wujud bukan hanya bagi keluarga yang berpendapatan rendah tetapi juga yang berpendapatan tinggi yang mana terlalu sibuk dengan perniagaan dan mesyuarat-mesyuarat sehingga tidak ada tempat anak-anak untuk mengadu hal.

20% kita dapati latar belakangnya tidak tahu langsung tentang agama—ada daripada penagih-penagih dadah yang di pusat pemulihan, "alif", "ba", "ta" pun tidak kenal, "Al-Fatihah" pun tidak tahu. Dan 30% daripada keluarga yang ibubapanya yang sudah berpecah-belah iaitu bercerai. Inilah keadaan latar belakang penagih-penagih dadah kita dan dengan itu terpulanglah kepada seluruh rakyat menentukan bagaimanakah kita dapat membetulkan keadaan masyarakat ini supaya kekurangan dari segi penagihan dadah ini.

HOSPITAL LADY TEMPLER— PERKHIDMATAN

3. Dr V. David minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang beliau cadangkan untuk meningkatkan taraf perkhidmatan Hospital Lady Templer di Kuala

Lumpur sebagai sebuah hospital daerah Kerajaan dengan sepenuhnya, kerana ini akan memberi peluang kepada orang yang berpendapatan rendah mendapat perkhidmatan kesihatan yang mereka mampu, dan juga akan menentukan keselamatan pekerjaan kakitangan-kakitangan yang sedang berkhidmat di hospital ini.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Lembaga Gabenor Hospital Lady Templer telah menyerahkan pengurusan Hospital tersebut kepada Kementerian Kesihatan. Kerajaan pada prinsipnya telah bersetuju supaya Kementerian Kesihatan mengambil alih Hospital Lady Templer.

Mengikut perancangan Kementerian saya, di peringkat permulaannya, Hospital ini akan berfungsi sebagai cawangan kepada Hospital Besar Kuala Lumpur. Perkhidmatan-perkhidmatan dan pembangunan Hospital ini akan dipertingkatkan sehingga ia akan dapat memenuhi segala peranannya untuk memberi perkhidmatan perubatan dan rawatan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasannya.

Saya suka memaklumkan bahawa perkhidmatan pesakit luar telah dibuka mulai hari ini iaitu pada 3hb November, 1986. Mengenai kedudukan kakitangan Hospital ini, langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkuasa perjawatan untuk, dengan seboleh-bolehnya, menempatkan mereka semula sebagai kakitangan Hospital ini tertakluk kepada syarat-syarat perlantikan dan skim-skim perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu

Dewan yang mulia ini tentang berapakah jumlah yang telah diluluskan oleh Kabinet bagi tujuan untuk mengambil alih Pusat Pakar Lady Templer ini dan menjadikannya sebagai cawangan Hospital Besar Kuala Lumpur.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa kakitangan-kakitangan Pusat Pakar Lady Templer ini telah bekerja selama lima hingga enam bulan tanpa gaji yang dibayar oleh pihak majikan dan jika beliau sedar, suka saya bertanya sama ada Kementerian ataupun Kerajaan bercadang untuk membantu pekerja-pekerja yang berkenaan untuk menuntut gaji ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan yang kedua itu terkeluar. Soalan yang pertama boleh dijawab.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama Yang Berhormat itu sentuhkan berkenaan dengan berapa jumlah, jumlah peruntukan atau jumlah bilangan pekerja?

Tuan Lee Lam Thye: Jumlah peruntukan.

Dato' Chan Siang Sun: Mengenai jumlah peruntukan tidak dapat satu angka yang diluluskan oleh Kabinet, tetapi dengan prinsipnya pengambilan dari segi pengurusan perjalanannya telah dipersetujui oleh Kabinet.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kami di sini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana Kerajaan sudah mengambil alih Hospital ini. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah kakitangan yang bekerja di Hospital Lady Templer, jumlah orang yang menyambung servicenya dan jumlah

orang yang sudah letak jawatan dalam Lady Templer, atau bercadang hendak meletakkan jawatan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijawabkan dalam pokok jawapan saya tadi, proses untuk menguruskan perkara ini telah dijalankan dan setakat hari ini kita sudah menerima semua permohonan daripada kakitangan-kakitangan yang berjumlah lebih kurang 200 orang. Mula-mula ada 217 orang, tetapi setakat hari ini sudah ada lebih kurang 17 orang meninggalkan jawatannya.

Jadi daripada 200 pekerja atau kakitangan itu, baru sahaja pada hari Jumaat minggu yang lepas, kita menerima semua permohonan dan sekarang kita dalam Kementerian masih dalam proses untuk menguruskan permohonan-permohonan itu.

SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR—PERUNTUKAN

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pelajaran menjelaskan apakah usaha-usaha atau program yang sedang disusun perlaksanaannya secepat mungkin agar sistem pendidikan negara menjamin kemudahan dan peluang yang menyeluruh kepada rakyat. Khususnya menghapuskan jurang yang ketara di antara sekolah-sekolah desa dan luar bandar, dan peluang latihan yang secukupnya kepada golongan bumiputera. Apakah Kerajaan bercadang membina di tiap Jajahan atau Daerah di luar bandar, sekurang-kurangnya mempunyai satu sekolah atau Maktab Teknik dan Vokasional. Dan apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan yang lebih besar untuk sekolah-sekolah di desa supaya sekolah-sekolah tersebut mempunyai cukup guru terlatih dan lain-lain kemudahan seperti makmal sains, perpustakaan, bilik darjah yang sempurna, dan sebagainya, malah

apakah Menteri Pelajaran sedar masih ada sekolah-sekolah desa yang uzur, tidak mempunyai elektrik dan jalan-jalan menuju ke sekolah amat buruk sekali.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran senantiasa berusaha untuk menyediakan dan menambahkan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang pelajaran di seluruh negara. Di antara usaha-usaha yang dijalankan ialah membina lebih banyak bilik darjah, mendirikan asrama, mengadakan skim pinjaman buku teks, projek susu, makanan tambahan, biasiswa, menubuhkan pusat sumber dan menambahkan buku-buku perpustakaan. Semuanya ini adalah bertujuan untuk memberi peluang pelajaran yang sama rata dan kepada murid-murid kita di seluruh negara untuk mereka mendapat faedah sepenuhnya dari Sistem Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi sebanyak-banyak yang boleh kemudahan-kemudahan persekolahan kepada semua terutama sekali kepada sekolah-sekolah luar bandar supaya sekolah-sekolah tersebut akan setaraf dengan apa yang terdapat di sekolah-sekolah di kawasan bandar. Pihak Kementerian tidak mengamalkan sikap pilih kasih semasa memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah bandar dan sekolah-sekolah luar bandar. Malah selama ini pun Kerajaan telah memberi lebih banyak kemudahan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Dan dalam Rancangan Malaysia Kelima kita berharap akan dapat memberi lebih daripada 80% dari peruntukan kita kepada pembangunan sekolah-sekolah di luar bandar.

Mengenai Sekolah Menengah Vokasional, Kementerian Pelajaran memang bercadang untuk membina

sekurang-kurangnya sebuah sekolah Vokasional di setiap daerah di negara ini. Walau bagaimanapun pelaksanaannya akan bergantung kepada kemampuan Kerajaan untuk memberi peruntukan.

Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa masih terdapat sekolah-sekolah yang uzur, tidak mempunyai elektrik dan jalan-jalan yang sesuai. Dengan yang demikian, Kementerian telah membuat perancangan yang teliti supaya masalah-masalah tersebut dapat diatasi.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas peranan yang ditunjukkan melalui jawapan terhadap sekolah-sekolah di luar bandar. Saya ingin mendapat tahu, berapakah bilangan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti air dan api dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah tersebut?

Tuan Haji Ujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyebut jumlahnya, saya mohon notis daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam usaha Kementerian Pelajaran untuk menjamin kemudahan pelajaran yang menyeluruh kepada rakyat ialah menambahkan bilangan bilik darjah dan satu cara yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran sekarang ialah dengan membuat bangunan secara projek kilat. Soalnya apakah program ini akan diteruskan untuk menjamin kecukupan kelas-kelas di luar bandar, dan kedua apakah projek ini boleh dibuat secara gotong royong?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan sebagaimana di mas lepas untuk memastikan supaya belanja untuk kita melaksanakan projek persekolahan di kawasan luar bandar dan juga di bandar dengan harga yang minima, lebih-lebih lagi di masa kita menghadapi kedudukan kemelesetan ekonomi di masa kini. Kita memang akan terus berusaha untuk melaksanakan projek seumpama ini dan projek ini yang dikatakan projek kilat tadi sekali sekala dipanggil dengan nama projek gotong royong dan ianya dipanggil kilat kerana di kala kita hendak melaksanakannya kita berikan peruntukan dan dilaksanakan terus dan ini juga boleh kita katakan gotong royong kerana tidak melibatkan proses yang begitu panjang, dengan izin, complicated.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat itu sedar projek ataupun program tambahan bilik-bilik darjah yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi ataupun projek gotong royong tadi peruntukannya tidak sama dengan kos projek itu dan hasilnya yang kita dapati sebagai contohnya di Perlis oleh kerana peruntukan itu diberi terlampau kurang? Jadi, mereka terpaksa mencari wang di sana sini untuk mendapatkan peruntukan tambahan. Akhirnya ia bukan jadi gotong-royong lagi dan sepatutnya jadi dalam bentuk yang lain.

Yang kedua, apakah oleh kerana sekolah vokasional sekarang cukup perlu dan Kementerian juga fikir perlu, apakah Yang Berhormat bercadang untuk memotong daripada peruntukan-peruntukan lain yang dianggap keutamaan yang rendah untuk membolehkan Kementerian menambahkan sekolah-sekolah vokasional di tiap-tiap daerah?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang kita menyedari hakikat bahawa ada pihak yang mengatakan bahawa sekiranya kita melaksanakan projek gotong royong, memang terdapat ketidakseimbangan yang wujud di antara projek-projek yang dibuat itu terutama sekali perbezaan di antara kawasan-kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Mereka mengatakan bahawa kenapa di kawasan luar bandar kita laksanakan projek gotong royong sedangkan mutu projek itu tidaklah setinggi mutu projek-projek di kawasan bandar. Jadi, kita menyedari hakikat ini. Namun demikian, setelah mengkaji akan apa yang dilaksanakan di masa yang lepas, kita mendapati bahawa projek gotong royong yang dikatakan ini tidaklah projek yang, dengan izin, of low quality ataupun kualiti yang begitu rendah—tidak. Kita mendapati dan sudah terbukti bahawa apa yang kita buat secara gotong royong ialah projek yang mempunyai taraf yang mampu untuk memberi kemudahan baik kepada pelajar-pelajar kita. Jadi tidaklah timbul masalah yang disebutkan itu. Walaupun demikian, kita sentiasa menentukan supaya kedudukan ketidakseimbangan ini ataupun kemungkinan projek itu menjadi projek yang lain, tidak akan berlaku, insya Allah.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kita mengambil peruntukan dari bahagian lain untuk diberi kepada bidang pembangunan bagi sekolah-sekolah menengah vokasional, sebenarnya di masa lepas pun begitu juga, kita tengok sama ada perkara itu penting atau tidak, dengan izin, priority atau tidak, kalau kita fikir ada satu perkara itu yang kita mesti berikan keutamaan, kita akan cari cara-cara bagaimana kita mendapat memberikan peruntukan kepadanya supaya yang dikatakan keutamaan itu akan dapat dilaksanakan.

Begitu jugalah dengan sekolah menengah vokasional di seluruh

negara ini. Kita menganggapkan ianya penting dan kita berusaha seboleh-bolehnya untuk menentukan supaya projek seumpama ini dapat kita laksanakan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga mestilah kita sedar hakikat bahawa di masa kini terutama sekali di masa Kerajaan menghadapi sedikit sebanyak kesulitan dalam memberi peruntukan di bidang lain pun susah kita hendak cari untuk menampung keperluan di sekolah menengah vokasional. Jadi, ini juga perlu kita mengambil kira.

SETINGGAN DI PULAU PINANG—BEKALAN AIR

5. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar berasaskan kepada sebab-sebab perikemanusiaan LLN membekalkan elektrik kepada rumah-rumah setinggan, maka sama ada Kementeriannya akan mengarah pihak berkuasa air Pulau Pinang membekalkan air kepada rumah-rumah setinggan berasaskan sebab-sebab kesihatan dan perikemanusiaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar Lembaga Letrik Negara membekalkan elektrik kepada rumah-rumah setinggan berasaskan kepada sebab-sebab perikemanusiaan tetapi syarat-syarat yang ditentukan oleh LLN mestilah dipatuhi terlebih dahulu sebelum rumah setinggan dibekalkan dengan elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang juga memang ingin membekalkan air kepada pemohon-pemohon dari golongan setinggan dengan mengenakan syarat-syarat tertentu seperti LLN.

Sebagaimana kita sedia maklum, tanah-tanah yang diduduki oleh setinggan-setinggan adalah melibatkan

tanah-tanah Kerajaan Negeri dan tanah Kerajaan Persekutuan dan juga tanah persendirian. Oleh itu sebelum bekalan air diberikan kepada rumah-rumah setinggan, tuan-tuan tanah yang terlibat itu hendaklah bersetuju dan memberi kebenaran bagi memasang saluran paip air melalui tanah-tanah mereka. Di samping itu setinggan-setinggan yang akan dibekalkan air juga adalah dikehendaki menandatangani perjanjian supaya melepaskan tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang terhadap sebarang tindakan undang-undang yang mungkin diambil oleh mana-mana pihak.

Dalam keadaan di mana tanah yang diduduki oleh setinggan-setinggan itu adalah tanah Kerajaan Negeri atau Persekutuan, maka permohonan bekalan air hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah berkenaan di kawasan mana bekalan air itu akan dibekalkan. Sesudah permohonan-permohonan tersebut mematuhi syarat-syarat yang ditentukan, barulah bekalan air melalui paip-paip awam akan dibekalkan.

Bagi setinggan-setinggan di atas tanah persendirian pula, pembekalan air ke rumah mereka akan hanya dapat dilakukan sesudah mendapat kebenaran tuan tanah untuk memasang paip air terus ke rumah mereka. Pada lazimnya Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang akan mendapat jasa baik Wakil Rakyat kawasan berkenaan untuk berhubung dan berbincang dengan tuan tanah bagi mendapatkan kebenaran itu. Ini adalah satu proses yang rumit dan tidak boleh didesak. Oleh kerana itu boleh disalah anggap bahawa Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang memaksa tuan tanah untuk memberikan kebenaran.

Walau bagaimanapun, saya yakin Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang akan

berusaha sedaya upaya untuk membekalkan air kepada setinggga-setinggga yang menduduki tanah-tanah Kerajaan atau persendirian mengikut proses-proses yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah di atas sebab-sebab yang sama iaitu sebab perikemanusiaan, pihak LLN membekalkan elektrik ke ladang-ladang getah yang selama ini belum mendapat pembekalan elektrik?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak termasuk dalam kuasa Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah bertanya bolehkah Kementerian Kerjaraya mengikut dengan apa yang dicadangkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Jawapan saya ialah kita boleh mengikut, jikalau mereka juga boleh menetapkan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian saya. Itu sahajalah.

KELAPA SAWIT—KOS PENGELUARAN

6. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapakah kos pengeluaran kelapa sawit masih tinggi lagi dibandingkan dengan negara Indonesia. Apakah pihak Kerajaan membuat kajian bagi mengurangkan kos pengeluaran bahan yang berkenaan dan apakah langkah-langkah serta kemajuan yang telah dicapai sehingga sekarang ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kos pengeluaran minyak kelapa sawit di negara kita, khususnya di peringkat ladang adalah tinggi sedikit berbanding dengan Indonesia. Faktor utama dalam hal ini adalah disebabkan oleh kos buruh yang lebih murah di Indonesia. Walau

bagaimanapun dari segi teknik, teknologi dan lain-lain kemudahan sokongan, pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia mempunyai banyak kelebihan dan seterusnya mampu bersaing secara berkesan di pasaran antarabangsa. Sungguhpun demikian penekanan ke atas penyelidikan dan pembangunan dari aspek pengurangan kos dan kecekapan pengeluaran memang diberi keutamaan. Memang menjadi objektif Kerajaan, di samping mencapai hasrat pengurangan kos adalah juga untuk mencapai taraf kecekapan pengeluaran melalui hasil yang tinggi dan bermutu, sesuai dengan kehendak pengguna tanpa mengabaikan kehendak sosio-ekonomi negara. Dalam jangka masa sederhana dan segera beberapa aspek penyelenggaraan ladang dan pemerosesan buah kelapa sawit telah dikenalpasti dan boleh diubahsuai mengikut keadaan harga pasaran minyak kelapa sawit. Di peringkat ladang pengurangan kos dapat dilaksanakan dari aspek pembajaan, pengawalan rumpai, penuaian dan pengangkutan di ladang. Masalah pembaziran buah relai yang tidak dipungut perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan ladang. Dalam hal ini adalah anggarkan pengurangan kos dapat dicapai di sekitar \$100.00 setan minyak kelapa sawit yang dikeluarkan.

Mengenai tenaga buruh, tidak dinafikan pendapatan buruh-buruh di Malaysia adalah lebih baik dibandingkan dengan buruh-buruh di Indonesia. Di peringkat kilang, tenaga buruh merupakan 12% daripada jumlah kos perkilangan. Kajian-kajian menunjukkan pengurangan jumlah kos dan kecekapan pengeluaran di kilang dapat dicapai melalui proses automation. Dijangka masa panjang penyelidikan dipergiatkan seperti program memperbaiki mutu bahan tanaman melalui program pembiak-biak dan dengan izin, tissue culture, kejenteraan ladang, amalan agronomi dan sebagainya.

PEKERJA YANG DI-BERHENTIKAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja yang telah diberhentikan daripada 1hb Januari 1985 sehingga 30hb September, 1986, apakah jenis pekerja-pekerja ini, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau bagi menghadapi dengan masalah pemberhentian kerja ini.

17-11-1986

15. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Buruh membutirkan berapa ramaikah para pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan di dalam negara ini akibat daripada penutupan industri-industri atau syarikat-syarikat yang terjejas dengan kemelesetan ekonomi dan beri butir-butir setakat ini mengenai bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang diberhentikan kerja dan jenis industri dan syarikat yang terlibat. Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja tersebut dan sejauh manakah sambutan dari syarikat-syarikat berkenaan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang dikemukakan untuk dijawab pada 17hb akan datang memandangkan kedua-dua pertanyaan ini adalah mempunyai maksud dan berkaitan dengan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Mengikut rekod yang terdapat di Kementerian saya bilangan pekerja-pekerja yang telah

diberhentikan kerja mengikut sektor perusahaan bagi tempoh mulai 1hb Januari, 1985 sehingga 30hb September, 1986 adalah seperti berikut:

| Sektor Perusahaan | Jumlah (orang) |
|--|---------------------|
| Pembuatan | 36,303 |
| Perlombongan | 11,186 |
| Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran | 6,183 |
| Pertanian, perhutanan dan perikanan | 2,676 |
| Perkhidmatan | 580 |
| Pembinaan | 1,200 |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan | 738 |
| Kewangan | 217 |
| Jumlah | <u>59,083</u> orang |

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja, jawapan yang lengkap telah pun diberi di Dewan yang mulia ini pada 10hb Oktober baru lalu ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, pada 14hb Oktober semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan pada 15hb Oktober semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Betong.

Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan yang telah diberikan itu.

INDUSTRI PELANCONGAN— JUMLAH PENDAPATAN

8. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan berapakah jumlah pendapatan yang diterima oleh Kerajaan setiap tahun bagi tempoh 1980 hingga 1986 dalam

industri pelancongan untuk Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan berapakah peruntukan yang diberikan kepada ketiga-tiga kawasan ini pada tempoh yang sama dan apakah rancangan-rancangan yang dikendalikan dan adakah ini menghasilkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendapatan yang diperolehi dari industri pelancongan bagi jangka masa 1980 hingga 1986 untuk Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah adalah seperti berikut:

| Tahun | Semenanjung Malaysia | Sabah | Sarawak | Jumlah |
|------------------------|----------------------|-----------|-----------|-----------|
| | (Juta \$) | (Juta \$) | (Juta \$) | (Juta \$) |
| 1980 | 618.9 | 47.8 | 46.4 | 713.1 |
| 1981 | 867.3 | 67.8 | 65.8 | 1,000.9 |
| 1982 | 1,019.1 | 64.0 | 48.4 | 1,131.5 |
| 1983 | 1,214.9 | 60.5 | 53.9 | 1,329.3 |
| 1984 | 1,304.9 | 65.5 | 55.7 | 1,426.1 |
| 1985 | 1,415.8 | 70.8 | 59.6 | 1,546.2 |
| 1986 (anggaran sahaja) | 1,568.7 | 73.7 | 62.6 | 1,705.0 |

Secara kasar peruntukan pembangunan untuk kemudahan-kemudahan dan projek-projek yang berkaitan secara langsung dengan pelancongan di antara tahun 1981 hingga 1985 dan dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) adalah seperti berikut:

| | 1981-1985 | 1986-1990 (RML) |
|----------------------|-----------|--------------------|
| | \$ juta | \$ juta |
| Semenanjung Malaysia | 144.0 | 225.77 |
| Sabah | 1.7 | 7.79 |
| Sarawak | 2.81 | 29.15 |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia meliputi projek-projek untuk seluruh negara seperti Kajian-kajian Pelan Induk Pelancongan dan projek penyediaan papan tanda pelancongan. Dan lagi, peruntukan di atas tidak mengambilkira projek-projek

berkaitan yang lain seperti pembinaan infrastruktur pelancongan, lapangan terbang dan pusat-pusat kraftangan yang juga merupakan projek-projek yang ada kaitan secara tidak langsung dengan industri pelancongan.

Selain dari itu, Perbadanan Kemajuan Pelancongan juga diberikan peruntukan untuk pemasaran dan penggalakan industri pelancongan berjumlah \$58.4 juta untuk tahun 1981-1985. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pula telah membelanjakan \$71 juta untuk pemasaran dan penggalakan dari tahun 1981-1985 di mana 22.4% dianggarkan adalah untuk pemasaran Malaysia. Langkah-langkah ini telah membantu dalam memajukan lagi industri pelancongan seluruh negara, baik di Semenanjung, di Sabah atau di Sarawak.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana bersungguh-sungguh untuk mendapatkan lebih

ramai lagi pelancong-pelancong melawat ke negara kita ini, tetapi sama ada Yang Berhormat sedar ataupun tidak bahawa proses untuk mendapatkan visa daripada bakal-bakal pelancong daripada luar negeri untuk datang ke negara kita ini memakan masa yang begitu lama, kadangkala ianya menyebabkan bakal pelancong itu pergi ke negara lain daripada datang ke negara kita ini. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya permohonan-permohonan daripada bakal-bakal pelancong yang ingin melawat ke negara ini lebih dimudahkan lagi.

Yang keduanya, memandangkan bahawa industri pelancongan ini mendapat tempat utama di dalam rancangan Kerajaan untuk mendapatkan wang daripada luar negeri, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya jika saya katakan bahawa sudah sampai masanya kita mewujudkan satu Kementerian khas untuk menjaga masalah pelancongan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan pertama tak payah jawab, terkeluar dari soalan asal.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan yang kedua harus dijawab (*Ketawa*).

Dato Kok Wee Kiat: Oh! Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang kedua, saya bersetuju tetapi saya ingat itu mesti dikaji oleh Kerajaan dengan berhati-hati.

KERETA KEBAL SCORPION/ SIBMAS—PEMBELIAN

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada

Kementerian telah menyedari bahawa pembelian 26 buah Scorpion dan 162 Sibmas bagi Kor Kalvari Tentera merupakan keputusan-keputusan yang buruk kerana kenderaan-kenderaan tersebut tidaklah sesuai dari segi perang bagi keadaan dan kedudukan muka bumi Malaysia (terrain and condition) dan apakah pengajaran yang Kementerian telah pelajari dari pembelian-pembelian seumpama itu.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa pembelian 26 buah Scorpion dan 162 Sibmas bagi Kor Kalvari Di Raja merupakan keputusan yang buruk. Jadi, apa yang saya sedar sekarang ialah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong cuba hendak menunjukkan yang beliau lebih mengetahui daripada pakar-pakar tentera (*Tepuk*) dengan menganggapkan keputusan itu adalah keputusan buruk sedangkan Ahli Yang Berhormat, saya tahu, tidak ada pengalaman dalam bidang ketenteraan ataupun pengalaman menjadi seorang anggota Angkatan Tentera yang berjuang mempertahankan negara kita.

Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa adalah tidak benar pembelian kereta-kereta kebal jenis Scorpion dan Sibmas merupakan satu keputusan yang buruk oleh Kerajaan. Saya juga menafikan kereta-kereta kebal tersebut tidak sesuai digunakan di muka bumi Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Projek Senjata mengenalpasti setiap projek dari keperluan sebelum membeli sesuatu senjata, termasuklah pembelian kereta kebal jenis Scorpion dan Sibmas itu. Keputusan untuk membeli kereta kebal ini dibuat apabila Kerajaan kita telah benar-benar berpuashati tentang

kemampuan dan kesempurnaan kereta-kereta kebal tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah tentera, khasnya pembelian alat-alat bukan sahaja satu perkara yang boleh dihad kepada orang-orang dalam Pasukan Tentera, tetapi satu perkara demi kepentingan orang ramai. Dan bukankah benar bahawa bukan sahaja adalah pakar-pakar tentera yang menganggap pembelian Scorpion dan Sibmas tidak sesuai oleh kerana khasnya ada mereka yang digunakan untuk istiadat upacara sahaja dan tidak ada functional utility?

Adakah Kerajaan rela mengadakan satu siasatan terbuka untuk siasat dalam perkara ini oleh kerana perkara ini bukan satu perkara kepartian, tetapi satu perkara yang perlu diukur daripada segi kepentingan negara, khasnya mengenai pembelian alat-alat yang berbelanja beratus-ratus juta ringgit, bahawa satu siasatan diadakan untuk sesiapa yang ada pandangan yang waras mengenai perkara ini supaya satu pengetahuan untuk orang ramai boleh didapati dan bukan untuk satu hujah kepartian?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyedari bahawasanya pembelian alat-alat persenjataan, khususnya kereta-kereta kebal itu penting. Dan oleh sebab ia pentinglah, maka pembelian kereta-kereta kebal itu mestilah diserahkan penilaiannya kepada mereka yang tahu, dan mereka yang tahu di negara kita ini berada dalam Kementerian Pertahanan (*Tepuk*). Dan merekalah yang menggunakannya kerana kalaulah alat persenjataan itu yang dibeli yang tidak baik, yang tidak boleh dipakai, maka akibat padahnya akan terkena kepada mereka. Maka oleh sebab itulah kita mesti mengakui bahawasanya

kesedaran ini ada pada pihak Angkatan Tentera dan dengan itu mereka telah berhati-hati dan telah mengkaji sehalus-halusnya apabila memutuskan untuk membeli kereta-kereta kebal Scorpion dan Sibmas.

Saya telah diberi taklimat sepenuhnya apabila menerima soalan daripada Ahli Yang Berhormat tentang kedudukan kereta-kereta yang berkenaan dan inilah saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan ini bahawa kereta-kereta itu dibeli bukan untuk dibariskan pada hari kebesaran, tetapi semua kereta itu adalah digunakan untuk latihan-latihan operasi yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan.

Dr Abdul Hadi bin Dērani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa peperangan di rantau ini memerlukan kegunaan kereta kebal dan kereta perisai, apakah rancangan-rancangan lanjut Kerajaan untuk membeli kelengkapan-kelengkapan ini supaya kewibawaan dan persediaan Angkatan Tentera Malaysia dipertingkatkan lagi untuk menghadapi ancaman musuh dari luar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk pembesaran Angkatan Bersenjata kita memang ada termasuk juga rancangan-rancangan untuk membeli alat-alat peperangan kereta-kereta kebal dan yang lain-lain, tetapi kita memahami bahawasanya sekarang ini kedudukan kewangan tidak mengizinkan kita membeli alat-alat kelengkapan yang dirancang, yang diperlukan itu dan terpaksa pada waktu ini kita menunggu sekejap dan apabila keadaan ekonomi kita pulih semula maka bolehlah usaha-usaha bagi melengkapkan Angkatan Bersenjata kita dengan alat-alat kelengkapan yang moden itu kita lakukan. Tetapi buat pada masa ini, setakat apa yang ada dan untuk keperluan pada waktu ini, kita anggap alat-alat itu adalah mencukupi.

RUMAH ANGGOTA PENGAKAP SEMPADAN

10. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian sedar dan mempunyai rancangan untuk menyediakan rumah-rumah atau berek-berek untuk anggota Pasukan Pengakap Sempadan Sarawak (border Scout) seperti rakan seperjuangan mereka anggota-anggota Polis dan Pasukan Polis Hutan di negara ini. Jika ada, bila dan jika tidak mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memang menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota Pengakap Sempadan kerana tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna. Walau bagaimanapun, sukalah saya maklumkan bahawa keperluan perumahan Pengakap Sempadan tidaklah begitu mendesak jika dibandingkan dengan Pasukan Polis Hutan kerana anggota Pengakap Sempadan dilantik dari anak-anak tempatan dan mereka pula berkhidmat di tempat sendiri. Sungguhpun kemudahan perumahan tidak disediakan sepenuhnya tetapi di bawah Rancangan Malaysia Kelima, usaha-usaha telah dibuat bagi memperbaiki keadaan rumah dan kemudahan yang sedia ada. Di samping itu mereka juga dibayar dengan elaun perumahan sebagaimana anggota Polis biasa iaitu dengan kadar \$85.00 sebulan.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun 1971 bagi menganjurkan pentadbiran yang bebas dan kebebasan akademik di beberapa buah institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang membuat kajian secara menyeluruh ke atas Akta Pelajaran negara kita. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 juga akan diambilkira dalam kajian tersebut. Sebelum sebarang keputusan dibuat untuk memindanya, pandangan semua pihak yang terlibat akan kita ambil kira dahulu.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengalu-alukan kenyataan ini. Soalan tambahan yang ingin saya bangkitkan ialah sama ada pihak Kerajaan bertujuan untuk mengkaji semula peruntukan-peruntukan di bawah Akta itu supaya membiarkan murid-murid di universiti-universiti dan sebagainya untuk menyertai parti politik seperti UMNO, PAS, DAP supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih penting di negara kita.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa kita mengkaji seluruhnya dan kajian itu tidak semestinya akan akhirnya menyetujui akan pandangan Yang Berhormat, kerana mungkin pandangan itu begitu radikal sebahagiannya dari kaca mata golongan lain. Namun demikian, ini terpulanglah kepada kajian yang akan kita buat nanti.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa tempoh untuk kajian itu begitu lama? Berapa tahun sudah semenjak Menteri Pelajaran yang dahulu pun pernah mengatakan hendak mengkaji semula Akta tersebut dan bilakah akan tamat tempoh yang diambil itu?

Keduanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kongkongan ke atas pelajar-pelajar

dan para akademik begitu hebat sehingga hendak bernafas pun susah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tiap-tiap kajian itu perlu memakan masa dan terpulang juga kepada apa yang kita kaji. Kalau kita kaji penyakit kudis misalnya, sebagaimana seorang doktor, mengkaji yang dia sudah tahu mungkin mengambil masa yang pendek tetapi

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mengapa kudis itu disebutkan di sini. Apa jenisnya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Dengan izin, *small skin diseases (Ketawa)* yang mengambil masa yang pendek untuk mengkaji, tetapi apa yang kita kajikan ini ialah perkara yang melibat begitu banyak dan besar yang akan memberi kesan terhadap kemajuan negara kita di masa akan datang. Sebab itulah kalau kita mengambil masa yang lama sedikit, ini bermakna kita memang memandang serius terhadapnya dan menentukan supaya apa yang kita buat itu akan memberi keuntungan kepada masa depan negara kita.

Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kita sekarang mengongkong akan kebebasan pelajar-pelajar kita dan ahli-ahli akademik. Setakat ini pun, saya rasa walaupun kita mengkaji, namun tidaklah sebegitu rupa akan keadaan mereka itu.

BEKALAN AIR DI KAWASAN SEMPORNA

12. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan letrik dan air di kawasan Semporna sentiasa terputus. Walaupun Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$26

juta untuk membina bekalan air di daerah tersebut tetapi bekalan air yang kurang bersih masih juga berlaku. Akibat gangguan daripada kedua bekalan tersebut kesulitan sangat dirasakan oleh penduduk-penduduk daerah tersebut. Jika sedar, adakah Kementerian akan menyiasat perkara ini dan apakah langkah-langkah Kementerian berkenaan perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah pun membelanjakan sebanyak \$26 juta di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk meningkatkan sistem bekalan air di kawasan Semporna. Kerja-kerja yang dijalankan itu termasuklah membina loji pembersih air yang baru—takungan air (*resevoir*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, air bersih yang dikeluarkan daripada loji pembersih air ini adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Masalah gangguan bekalan air yang berlaku adalah berpunca dari saluran paip pecah kerana saluran-saluran paip yang sedia ada itu adalah terlalu lama dan tidak dapat menahan tekanan (*pressure*) air dari loji pembersih air yang baru itu. Keadaan saluran-saluran paip yang pecah itu mengakibatkan air yang dibekalkan menjadi kotor dan berwarna.

Untuk mengatasi masalah ini, satu rancangan telah disediakan bagi menggantikan paip-paip baru dan kerja-kerja ini dijangka dapat dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, pelaksanaan rancangan ini bergantung kepada kedudukan kewangan tanahair kita.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada

Yang Berhormat Menteri, peruntukan \$20 juta ini telah habis dibelanjakan dan keadaan air masih lagi keruh dan paip-paip yang dipasang ke bandar masih lagi paip-paip yang kecil. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu siapakah yang bertanggungjawab di dalam meluluskan persiapan projek ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang bertanggungjawab ialah saya sendiri yang bertanggungjawab (*Ketawa*). Perbelanjaan yang telah berlaku iaitu \$26 juta ialah bukan untuk membekal air ke rumah-rumah, iaitu satunya cari punca-punca air; yang kedua cari macam manakah dalam perkara ini, dengan izin, the source of water yang pertama. Yang kedua, aliran macam manakah kita akan hantar air ini ke tempat yang kita bersih air itu. Itu yang kedua. Yang ketiga, "the pumping system"; inilah ketiga-tiga masuk dalam kontrak \$26 juta ini, tetapi membekalkan air ke kawasan dan membuat retikulasi jadi sekim yang kedua. Sebab itulah kita tidak boleh membekalkan air kepada penduduk-penduduk di kawasan itu sebab saliran-saliran yang sedia ada itu sudah tua, lama, sudah kotor dan lain-lain. Walau bagaimanapun

Seorang Ahli Yang Berhormat: Tidak boleh keluar air!

Dato' S. Samy Vellu: Tidak boleh keluar air atau boleh keluar itu saya tidak boleh guarantee! (*Ketawa*). Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kita menukar paip itu, saya guarantee air mesti dapat di kawasan-kawasan (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 13 hingga 18 adalah diberi di bawah ini)

SIDANG KEMUNCAK PERGERAKAN NEGARA- NEGARA BERKECUALI— PERSETUJUAN

1. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan dari persidangan Harare kepada negara-negara blok ketiga (berkecuali) baru-baru ini. Apakah langkah yang telah dipersetujui mengenai isu-isu semasa seperti Apartheid, Selatan-selatan tentangan terhadap zionisma, perang Iran-Iraq dan Afghanistan.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang diadakan di Harare baru-baru ini berjaya mengurangkan jurang perbezaan pendapat di kalangan Ketua Negara-negara ahli Pergerakan terhadap isu-isu semasa. Ia berupaya mengembalikan pergerakan tersebut daripada condong ke arah fahaman kiri kepada landasan yang betul sepertimana tujuan asal penubuhannya. Satu penilaian mengenai krisis ekonomi dunia juga telah dibuat yang mana semua Ahli mempunyai satu pendapat bahawa ianya bertambah buruk dan jurang perbezaan ekonomi antara negara membangun dengan negara maju lebih ketara. Keadaan seperti ini adalah membimbangkan dan ia boleh menggugat keamanan dunia keseluruhannya. Dalam usaha menyelesaikan krisis ekonomi dunia ini, negara-negara ahli Pergerakan Berkecuali bersetuju untuk bekerjasama membentuk satu Order Baru Ekonomi Antarabangsa (NIEO) yang akan berasaskan kepada keadilan, saksama, ekuiti dan kepentingan bersama.

Mengenai isu apartheid, selain daripada membuat deklarasi menyeluruh mengenai Afrika Selatan, Sidang Kemuncak telah mengambil keputusan untuk menubuh satu tabung perpaduan (Solidarity Fund) bagi membantu negara-negara barisan hadapan yang menghadapi ancaman dan pencerobohan oleh Regime Afrika Selatan. Manakala itu sebuah Majlis di Peringkat Menteri-menteri juga akan ditubuhkan bagi menyelenggarakan sekatan-sekatan terhadap regime Afrika Selatan.

Mengenai Selatan-Selatan, Sidang Kemuncak di Harare telah bersetuju dengan sebulat suara penubuhan Suruhanjaya Bebas Selatan yang diusahakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri. Penubuhan Suruhanjaya ini adalah bertujuan untuk meningkat dan memajukan kerjasama yang lebih bermakna dan berkesan di kalangan negara-negara membangun. Dengan adanya kerjasama tersebut negara-negara membangun akan dapat berusaha ke arah mengatasi pelbagai masalah ekonomi yang dihadapi secara menggunakan sepenuhnya sumber-sumber yang terdapat di negara masing-masing.

Dalam usaha menentang zionisma, Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali terus mengutuk pencabulan Israel ke atas negara-negara Asia Barat. Sidang Kemuncak telah memberi sokongan sepenuhnya kepada Pertubuhan Pembebasan Pelastine (PLO) dan negara Arab untuk menentang keganasan Israel dan mengambil balik tanah yang ditaklukinya.

Bagi peperangan Iran-Iraq, selain dari menyata kesal terhadap lanjutan peperangan itu, Sidang Kemuncak sekali lagi merayu kepada kedua-dua negara untuk memberhentikan

persengketaan tersebut bagi mengelakkan kehilangan lebih banyak nyawa dan harta benda.

Dalam mencari penyelesaian politik terhadap Afghanistan, Sidang Kemuncak lagi sekali menggesa pengunduran askar asing dari bumi Afghanistan dan mendesak supaya kemerdekaan, kedaulatan, dan status berkecuali negara tersebut dihormati.

PELARIAN FILIPINA

13. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan membuat perhubungan dengan Kerajaan Filipina untuk menghantar semua pendatang haram (pelarian) dari Filipina supaya pulang ke negara mereka. Jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mana-mana warganegara asing termasuk, rakyat Filipina yang memasuki negara ini secara haram adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Imigresen. Justeru itu, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan terus mengambil tindakan tegas dengan menangkap, mendakwa dan mengusir keluar pendatang-pendatang haram yang dikesan. Tindakan yang diambil ke atas pendatang-pendatang haram ini adalah berasaskan kepada Undang-undang negara. Oleh itu, Kerajaan Malaysia tidak perlu menghubungi Kerajaan asal pendatang haram di atas tindakan yang diambil ke atas mereka itu.

AKTA PELAJARAN 1961

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab apa Kerajaan tidak hendak memansuhkan Perkara 21 (2) Akta Pelajaran 1961. Apakah ini satu peruntukan bagi beliau supaya berkuasa mengubah kedudukan sekolah

rendah jenis kebangsaan Tionghua dan Tamil menjadi sekolah kebangsaan kelak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenai Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961. Kerajaan akan mengkaji Akta ini termasuk Seksyen 21 (2) dengan lebih menyeluruh dan terperinci dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi Akta tersebut supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

**KILANG ASSOCIATED STEEL
MILL/CHEMICAL COMPANY
OF MALAYSIA—
PENCEMARAN UDARA**

15. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap kedua-dua kilang Associated Steel Mill and Chemical Company of Malaysia di persempadanan di antara Shah Alam dengan Klang serta Cast Iron Product di Seksyen 19/1 Petaling Jaya yang menghasilkan pencemaran udara yang amat buruk dari aktiviti-aktiviti mereka. Jika belum diambil tindakan, mengapa;
- (b) apakah tahap pencemaran udara yang dianggap sebagai telah melebihi had selamat; dan
- (c) apakah keberkesanan pengaruh pihak Kementerian ke atas Kerajaan Negeri semasa keputusan untuk meluluskan pembinaan sesuatu kilang perindustrian di sesuatu tempat. Jika berkesan, mengapa pula ketiga-tiga kilang tersebut di atas

berjaya dibina. Jika tidak berpengaruh, apakah fungsi dan luasnya bidang kekuasaan pihak Kementerian dalam pandangan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):

- (a) Soalan Ahli Yang Berhormat menyangkakan bahawa ketiga-tiga kilang itu telah melakukan pencemaran udara yang amat buruk. Keadaan itu adalah tidak benar pada masa kini.

Pada suatu masa lampau, ketiga-tiga kilang itu pernah melakukan pencemaran udara. Semenjak itu, pihak kilang-kilang yang berkaitan telah memasang alat mencegah pencemaran udara ataupun meningkatkan lagi kawalan pencemaran sehingga mengurangkan paras pencemaran ke suatu tahap yang boleh diterima. Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan di ketiga-tiga kilang itu.

- (b) Had pelepasan untuk partikulat dari cerobong yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 ialah 0.4 gm tiap-tiap satu meter padu untuk Chemical Company of Malaysia, dan 0.2 gram tiap-tiap satu meter padu, bagi Amalgamated Steel Mill dan Cast Iron Products, dan ianya adalah dianggap akan menghasilkan paras pelepasan yang selamat.
- (c) Di bawah Perlembagaan Persekutuan, hal-hal berkaitan dengan tanah dan penggunaannya serta kelulusan untuk mendirikan bangunan termasuk kilang adalah dalam

bidangkuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Kilang Cast Iron Products telah didirikan pada tahun 1967 dan kilang Chemical Company of Malaysia pada tahun 1965, iaitu sebelum wujudnya Kementerian saya ataupun sesebuah agensi yang menjaga hal-hal alam sekitar. Kilang Amalgamated Steel Mill pula dibina pada tahun 1977, iaitu dua tahun sebelum penerimaan garis-garis panduan untuk pengezonan dan penempatan perindustrian oleh pihak Kerajaan Negeri pada tahun 1979. Maka, soal pengaruh Kementerian ke atas pihak Kerajaan Negeri tidaklah timbul.

Walaupun demikian, sejak tahun 1979, kerjasama antara Kementerian saya dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam perancangan alam sekitar adalah bertambah erat dan positif, terutamanya dalam menerapkan unsur-unsur alam sekitar dalam segala perancangan projek. Tambahan lagi, di peringkat negeri terdapatnya jawatankuasa yang menjaga hal-hal alam sekitar yang bekerja rapat dengan Jabatan Alam Sekitar untuk menyelaras dan memberi panduan dalam pengurusan alam sekitar.

Berkenaan dengan pandangan Kerajaan-kerajaan Negeri ke atas Fungsi dan bidangkuasa Kementerian saya, adalah sukar diketahui. Maka saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat yang juga seorang Ahli Dewan Undangan Negeri meminta pandangan daripada pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan.

PENEMPATAN SALIB(CROSS) DI BANGUNAN GEREJA

16. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada suatu dasar Kerajaan untuk menyelaraskan bangunan gereja baru menempatkan salib (cross) di atas bumbung atau dikemuncak bumbung atau di dinding luar bangunan.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Setakat ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang dasar untuk menyelaraskan penempatan salib (cross) bagi bangunan gereja baru sama ada di atas bumbung atau di kemuncak bumbung atau di dinding luar bangunan. Amalan sekarang tidak menyusahkan penganut agama Kristian dan orang ramai dan adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memberi kebebasan beragama bagi penduduk-penduduk di negara ini.

MAS—KEUNTUNGAN DICAPAI

17. Dr V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan ke-untungan-keuntungan yang telah dicapai oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bagi tahun-tahun kewangan 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985 dan juga memberitahu Dewan apakah perjalanan-perjalanan MAS yang paling menggalakkan kepada MAS khususnya dari segi keuntungan kewangan dan bilangan penumpang-penumpang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Prestasi kewangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bagi tahun-tahun kewangan 1981 hingga 1985 adalah seperti berikut:

- (i) Tahun Kewangan 1981/82—
Kerugian M\$35.2 juta
- (ii) Tahun Kewangan 1982/83—
Keuntungan M\$10 juta

- (iii) Tahun Kewangan 1983/84—
Keuntungan M\$95.2 juta
- (iv) Tahun Kewangan 1984/85—
Keuntungan M\$131.6 juta
- (v) Tahun Kewangan 1985/86—
Keuntungan M\$104.9 juta

Berhubung dengan pertanyaan berikutnya, ingin saya memaklumkan bahawa dari segi jumlah penumpang-penumpang yang diangkut, penerbangan-penerbangan dalam negeri (domestik) MAS secara amnya telah mengangkut lebih penumpang berbanding dengan penerbangan-penerbangan antarabangsa MAS. Walau bagaimanapun dari segi keuntungan kewangan, penerbangan-penerbangan antarabangsa MAS pada amnya telah mendatangkan hasil yang lebih berbanding dengan penerbangan-penerbangan dalam negeri.

POLIS—MENYALAHGUNAKAN KUASA

18. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan supaya menentukan bahawa semua pegawai dan anggota Polis Di Raja Malaysia tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka sewaktu menjalankan tugas menjaga keamanan awam memandangkan kes-kes tembakan oleh polis yang mengakibatkan kematian 2 orang awam pada hujung bulan Ogos dan awal September, 1986; dan
- (b) apakah tindakan pihak berkuasa terhadap dua anggota polis yang terlibat di dalam kes-kes tembakan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan ini telah pun dijawab bersamasama dengan soalan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh pada 14hb Oktober, 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (31hb Oktober, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat dari Pendang menyambung ucapan.

3.33 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Pendang): Tuan Yang di-Pertua, semasa menutup perbahasan hari Jumaat yang lalu, saya telah menyebutkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kelembapan ekonomi di negara kita adalah bukan berpunca dari krisis kepercayaan seperti yang didakwakan oleh Pembangkang DAP di dalam Dewan ini. Pada masa perbahasan-perbahasan yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang juga Ketua Pembangkang banyak menyebut dan mengambil quotation daripada *Asian Wall Street Journal*, *Business Times* dan juga *Straits Times* Singapura untuk menunjukkan bukti-bukti bahawa berlakunya sesuatu perkara yang tidak diingini di dalam negara kita ini, tetapi sayangnya, di dalam perbahasan Belanjawan sekarang ini, beliau tidak menyebutkan langsung, tidak mengambil sebarang quotation daripada akhbar-akhbar ini kerana ke semua akhbar ini termasuklah *Asian Wall Street Journal* yang dapat saya baca di Singapura, menunjukkan bahawa mereka bersetuju dengan perbelanjaan (Budget) yang sedang kita bahaskan sekarang ini.

Ini menunjukkan bahawa akhbar-akhbar asing memberi pandangan yang baik terhadap Belanjawan ini. Yang tidak bersetuju dan tidak mahu bersetuju, yang tidak faham dan tidak mahu faham ialah DAP dan seorang wakil tunggal PAS—yang sedang keluar daripada Dewan ini. Saya hendak tanya DAP, apa bentuk krisis kepercayaan, apa benda yang boleh ditunjukkan kepada masyarakat tentang krisis kepercayaan yang boleh melemahkan ekonomi negara? Saya hendak tanya kepada yang belum bercakap lagi itu—jawab, apa bentuk

krisis kepercayaan yang boleh menimbulkan kelemahan ataupun boleh melemahkan faktor-faktor ekonomi negara kita ini. Mungkin mereka ini bukanlah ahli-ahli ekonomi yang pandai, mereka juga bukanlah ahli ekonomi, sebab itulah mereka mengaitkan dengan perkara yang bukan-bukan. Kita harus menerima hakikat bahawa kelemahan ekonomi adalah mesti berpunca daripada ekonomi, bukan berpunca daripada krisis kepercayaan ataupun rasuah, penyalahgunaan kuasa misalnya seperti yang disebutkan berulang-ulang kali oleh setiap pembahas DAP. Soal BMF, soal koperasi, jika sekiranya satu orang sebut; Ketua Pembangkang sudah sebut, yang lain itu carilah point lain, kalau tidak ada point lain, ramai lagi Ahli Barisan boleh tolong beri.

Kemerosotan ekonomi negara kita adalah berpunca daripada kemerosotan besar di dalam sektor perkilangan yang disebabkan oleh permintaan yang kurang. Pengeluaran terpaksa dikurangkan kerana permintaan kurang. Kalaulah DAP yang memerintah pada masa ini, apa yang DAP boleh buat? Saya rasa DAP pun tidak boleh buat apa-apa. Sememangnya mereka ini boleh bercakap

Tuan Hu Sepang (Rasah):
(Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah

Tuan Othman bin Abdul: Itu yang saya suruh "shut-up"! Tidak erti Standing Order!

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk dahulu!

Tuan Hu Sepang: Dia beri peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang pertama, saya tidak boleh biarkan Yang Berhormat mengganggu begitu. Apabila seorang Ahli Yang Berhormat berucap, hendaklah diam (*Tepuk*).

Tuan Hu Sepang: Sekarang saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk dahulu! Dan Ahli Yang Berhormat jangan gunakan perkataan begitu—"shut-up"—itu bukan parliamentary.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan, adakah Yang Berhormat beri?

Tuan Othman bin Abdul: Saya beri.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih kepada kedua-dua pihak. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pendang bertanya, ingin hendak tahu, apakah DAP boleh buat. Jadi saya ingin hendak bertanya, bagaimana dia tahu apa DAP boleh buat atau tidak boleh buat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, DAP ini bercakap tidak serupa bikin. Kita tahulah, ini bukan penjelasan. Hari Jumaat dahulu saya sudah kata, jangan jadikan Parlimen ini sebagai kedai kopi. Ahli-ahli DAP ini menjadikan Parlimen ini sebagai kedai kopi, bukanlah macam itu cara berbahas, perbahasan ilmiah kita hendaklah dalam di Dewan ini.

Yang keduanya, kemerosotan ekonomi negara ini bolehlah juga disebabkan atau timbul kerana kejatuhan harga barang-barang utama negara. Saya hendak sebut, bukan krisis kepercayaan, saya hendak sebut kepada Ahli-ahli DAP. Dahulu misalnya harga minyak mentah kita US\$28 satu tong, sekarang telah jatuh kepada US\$15 satu tong; berapa jauh

perbezaannya. Minyak kelapa sawit daripada lebih dari \$2,000 satu metrik tan telah turun kepada \$470. Ini masalahnya yang perlu sama-sama kita fikir. Harga getah agak stabil. Yang tidak tahu kata harga getah ini stabil hanyalah wakil PAS—sayang dia tidak ada dalam Dewan ini—dia bercakap seperti burung kakak tua, membaca ucapan yang disediakan kepadanya oleh orang-orang tertentu. Kita tahu bahawa orang-orang itu pun ada di dalam Dewan ini semasa beliau membaca ucapannya itu.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Apa hendak Yang Berhormat?

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat dari Pendang itu mengatakan ucapan-ucapan yang dibaca oleh Ahli PAS itu adalah disediakan oleh orang yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat dari Pendang itu membuktikan?

Tuan Othman bin Abdul: Ada pula pembela PAS, DAP bela PAS di dalam Dewan ini! Bila kita bela MCA, dia merungutkan kita, dia hendak bela PAS pula!

Kita tahulah, kita ini sama-sama di dalam Dewan ini, kita faham bahasa yang dipercakapkan oleh seseorang itu kita dapat menilai sama ada buah fikirannya sendiri ataupun ditulis oleh orang lain, dibaca di dalam Dewan ini. Kita pun tahu, memang beberapa orang ahli DAP pun kita tahu, memang kita tahu orang-orang yang bercakap Ahli-ahli DAP itupun bukanlah pendapat mereka sebenarnya, adalah ditulis oleh orang lain. Dia tidak tahan duduk, lari!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan, saya sebutkan tadi bahawa harga getah adalah stabil

dan saya hendak mencadangkan supaya tumpuan yang lebih, peruntukan yang lebih boleh diberikan kepada badan-badan yang bertanggungjawab untuk perusahaan getah ini. Misalnya, RISDA dan juga RRIM untuk menjalankan kajian-kajian lanjut kerana di dalam pekebun-pekebun kecil ini kita dapati ramai orang-orang kampung, pekebun-pekebun yang miskin di kampung-kampung perlukan tambahan peruntukan untuk ini. Sebab harga getah ataupun getah asli hanya mempunyai satu saingan sahaja iaitu getah tiruan, sedangkan minyak kelapa sawit mempunyai banyak saingan-saingannya, terutamanya seperti kacang soya, kacang tanah dan juga lain-lain yang boleh menjatuhkan lagi harga minyak kelapa sawit ini.

Di samping itu saya juga bersetuju dengan Kerajaan untuk mempelbagaikan bahan-bahan tanaman ini supaya ianya akan dapat menjadikan bahan pengeluaran yang utama bagi negara yang boleh membawa tukaran asing, mengurangkan tukaran asing serta kurangkan perbelanjaan supaya kita dapat menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak mencukupi kepada Kerajaan yang ada sekarang ini.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang strategi Belanjawan tahun 1987. Pada keseluruhannya, saya memanglah berasa puas hati dengan strategi Belanjawan ini terutamanya bagi mengurangkan peranan sektor awam dan ekonomi dan juga memperkukuhkan kedudukan kewangan negara.

Dahulu lagi semasa membahaskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, saya pernah menyebutkan soal ini supaya Kerajaan mengurangkan peranan mereka dalam sektor ekonomi ini dengan membuat kajian ke atas semua syarikat-syarikat Kerajaan di

mana Kerajaan mempunyai kepentingan, kaji sedalam-dalamnya. Jika sekiranya tidak membawa sebarang keuntungan, tutup sahaja. Saya pun dengar, DAP pun menyarankan perkara ini ditutup. Tetapi apabila Kerajaan hendak menswastakan Telekom, hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Kampar mempersoalkan tidak percaya kepada Kerajaan. Mengapakah perkara ini perlu diswastakan? Adakah Kerajaan tidak berjaya membekalkan servis yang baik? Bila Kerajaan hendak swasta, soal. Ahli Parlimen Tanjong hendak minta tangguh, tetapi bila bercakap suruh swastakan. Ini saya kata bercakap tidak serupa bikin. Inilah contohnya yang saya kata DAP bercakap tidak serupa bikin. Ini jelas ditunjukkan hari Jumaat yang lalu. Soalan

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta penjelasankah?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Ya, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pendang telah menyentuh soalan tambahan saya pada hari Jumaat yang lalu. Yang sebenarnya soalan tambahan saya itu, iaitu saya meminta Menteri, adakah Kementeriannya tidak sanggup menyempurnakan perkhidmatan yang baik kepada orang awam lalu menswastakan Telekom? Yang itu saya tidak bangkang (oppose) penswastakan Telekom. Itulah sikap back-bencher, dengan izin, UMNO.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca soalan tambahan ini. "Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sebab musabab yang sebenarnya untuk menswastakan Telekom. Adakah penswastakan ini bermakna pihak Kementrian telah gagal membekalkan khidmat yang sempurna bagi pelanggan-pelanggan

telefon” Bermakna gagal, mempunyai satu tuduhan kepada Kerajaan disebabkan kerana kegagalan Kerajaan untuk memberikan khidmat yang sempurna, maka Kerajaan hendak swastakan. Kita hendak minta Kerajaan menswastakan ini semua supaya beban Kerajaan itu kurang. Saya pun faham, saya rasa bahasa Melayu saya baik sedikit daripada bahasa Yang Berhormat dari Kampar. Saya rasa bahasa saya elok sedikitlah.

Keduanya, Kerajaan hendak menggalakkan pertumbuhan eksport serta mengurangkan import bagi memperbaikiimbangan pembayaran. Sekarang kita telah ada galakan-galakan mengurangkan cukai syarikat, elaun sebanyak 5% ke atas nilai eksport, taraf printis dinaikkan daripada 5 tahun kepada 10 tahun. Ini semua adalah merupakan jalan-jalan bagi pengeksport-pengeksport negara kita untuk mengeksport barangan ke luar negeri.

Sekarang ini negara China adalah sebuah negara yang boleh Kerajaan memperbaiki hubungan perdagangan dengannya. Walau macam manapun, terdapat beberapa halangan, sekurang-kurangnya tiga halangan. Contoh yang saya hendak tunjukkan, jika seorang bakal pengeksport negara untuk mengeksport minyak kelapa sawit ke negeri China, misalnya, pertama sekali bakal pengeksport itu perlu mendapat lesen eksport dari PORLA di bawah Kementerian Perusahaan Utama; keduanya, bakal pengeksport itu juga mesti mendapat permit eksport daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; dan ketiga, perlu mendapat, dengan izin, foreign exchange permission daripada Kementerian Kewangan. Ini tiga halangan yang perlu dihadapi oleh seorang bakal pengeksport. Jadi, macam manakah caranya kita dapat memperbaiki soal ini? Kerajaan

haruslah mengkaji dengan sedalam-dalamnya bagi mempermudah.

Jika sekiranya Kerajaan memang berkehendakkan supaya kita dapat tukaran wang asing yang lebih dipermudahkan perkara ini. Di samping itu pula, bakal-bakal pengeksport Malaysia yang mengeksport barangan ke negeri China. Import duty yang dikenakan oleh Kerajaan China terhadap barangan Malaysia termasuklah minyak kelapa sawit ini ialah 30% sedangkan negara-negara lain seperti Singapura dan Thailand hanya dikenakan 20%. Minyak kelapa sawit Malaysia yang dieksport melalui Singapura pun dikenakan hanya 20% duti import oleh Kerajaan China. Dalam soal ini, Kerajaan haruslah mempunyai perundingan yang lebih rapat dengan Kerajaan China supaya import duti oleh Kerajaan China dikurangkan bagi memudahkan ataupun bagi menarik minat pengeksport-pengeksport Malaysia untuk mengeksport barangan ke negeri China. Ini perlu dirundingkan dalam perdagangan dua hala yang boleh menguntungkan kita.

Dalam usaha untuk memperbaiki suasana pelaburan, beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Kerajaan seharusnya mendapat sambutan daripada masyarakat semua, di dalam usaha Kerajaan hendak menarik pelaburan ke negara kita ini, dengan kelonggaran-kelonggaran yang ditentukan. Tetapi pendapatan sebilangan kecil pelabur-pelabur negara kita, mereka ini sebenarnya tidak cintakan negara kita, telah membawa wang keluar dari negara ini dengan melabur di luar negeri seperti Australia, Amerika Syarikat dan juga lain-lain negara. Mereka ini pada saya ialah pengkhianat negara. Mereka tidak sanggup atau tidak cintakan negara ini hingga menyebabkan mereka membawa keluar wang atau modal daripada negara ini untuk

dilaburkan ke negeri lain pada hal bukanlah mendatangkan untung yang besar kepada kita. Kepada orang yang melabur itu, malahan selalunya mengalami kerugian.

Dalam soal ini saya meminta Kerajaan supaya dapat memperbaiki hubungan perdagangan dengan negara Taiwan yang sekarang ini mempunyai lebih daripada US\$40 bilion rezabnya, untuk melabur di bank dengan perbincangan dan dengan perhubungan perdagangan yang lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudah setengah jam.

Tuan Othman bin Abdul: Saya ada sedikit lagi yang saya hendak sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cuba ringkaskan.

Tuan Othman bin Abdul: Tentang pungutan cukai, saya bersetuju dengan cara Kerajaan mengenakan potongan cukai secara langsung bulanan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang taksiran cukainya lebih daripada \$500 setahun.

Soalan saya ini, yang saya hendak sebutkan ialah Kerajaan harus juga mengkaji cara pembayaran cukai-cukai pendapatan daripada orang-orang yang bukan bekerja dengan Kerajaan, pedagang-pedagang, peniaga-peniaga, saudagar-saudagar yang ada dalam negara kita ini yang mungkin ada menyimpan tiga buah buku kira-kira dengan harapan untuk menipu Kerajaan. Ini Kerajaan perlu membuat kajian yang dalam. Inilah golongan yang paling banyak sekali melarikan cukai pendapatan. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan orang yang berpendapatan tetap, memang ini tidak boleh lari. Bila tahun ini dihantar, mereka mesti membayar. Cukai pendapatan mesti dipungut bila-bila masa pun.

Soal orang-orang yang tidak berpendapatan tetap ini tetapi pendapatannya berjuta-juta ringgit setahun, inilah kumpulan yang perlu dikaji oleh Kerajaan, sistem penyiasatan yang baik untuk mereka ini tidak boleh melarikan diri daripada cukai yang terlalu banyak. Ada juga mungkin orang-orang ataupun saudagar-saudagar ini yang mengupah pentaksir-pentaksir untuk mengurangkan cukai pendapatan mereka. Di samping itu kelemahan-kelemahan di dalam pungutan cukai harus juga diperbaiki. Banyak rungutan-rungutan bahawa pihak Jabatan Kerja Air, Jabatan Tanah misalnya, yang begitu lemah dalam pungutan hasil.

Dalam Pejabat Tanah misalnya, bertahun-tahun, mungkin 10 tahun tunggakan cukai tanah tidak dibayar disebabkan oleh masalah-masalah tertentu. Dahulu saya pernah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kalau boleh, Kerajaan dapat mengeluarkan bil cukai pendapatan itu tiap-tiap bahagian yang ada, kerana dengan pindaan Kanun Tanah Negara telah membolehkan kita melakukan demikian. Tetapi hingga kini tidak sebarang perubahan yang dibuat. Jika sekiranya bil tiap-tiap bahagian itu dikeluarkan oleh pihak Pejabat Tanah, maka sudah pastilah orang-orang persendirian akan dapat membayar bahagian-bahagian mereka itu sendiri. Kadang-kadang 10 tuannya tanah bagi satu hakmilik menyebabkan mereka tidak dapat bersatu untuk memungut hasil cukai di kalangan mereka ini dan mereka tidak dapat menjelaskan cukai tanah mereka kepada Kerajaan hingga bertahun-tahun. Saya sebutkan ini, mengikut pengalaman saya semasa bekerja dahulu dengan Kerajaan.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan harta

modal kepada 61%. Banyak jentera-jentera yang dibeli oleh Kerajaan suatu masa dahulu tidak dapat dipakai, dibiarkan reput, rosak tidak dibuat apa-apa tindakan. Misalnya, contohnya di Pelabuhan Kelang ada satu jentera yang besar yang bernilai \$21 juta tersadai rosak tidak dapat dibaiki oleh sesiapa pun di negara ini. Dan saya pasti bahawa masih banyak lagi jentera-jentera yang tidak dapat dipakai ini saya rasa ada di jabatan-jabatan Kerajaan terutamanya di Jabatan Kerjaraya (JKR).

Saya pernah juga mencadangkan dahulu supaya kenderaan-kenderaan yang telah dimasuk hapus kira (condemned) di lelong, dijual supaya dapat hasil kepada Kerajaan tetapi kenderaan-kenderaan ini setengahnya dibiarkan reput di jabatan-jabatan Kerajaan. Di tempat saya sendiri, di daerah Pendang terdapat kenderaan-kenderaan yang dibiarkan reput sedangkan masih laku dijual oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh sedikit tentang kadar pinjaman perumahan pegawai-pegawai Kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cuba ringkaskan.

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit sahaja lagi. Saya berasa kesihan sebabnya saya pun bekas pegawai Kerajaan. Cuma saya hendak merayu kepada Kerajaan supaya dapat memikirkan semula, memper-timbangkan semula kadar 6% ini dikenakan hanya kepada pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan yang mula meminjam dari sekarang. Kerana kalau sekiranya Kerajaan menaikkan 4% ke 6% sekarang ini menyebabkan kira-kira bagi seorang pegawai Kerajaan walaupun Superscale G ke bawah sememanglah dalam keadaan yang mendukacitakan

kerana saya faham bahawa sumber pendapatan pegawai-pegawai Kerajaan ini hanya satu, bergantung kepada gaji. Jadi, kenaikan yang mendadak ini sudah pastilah akan menjejaskan kedudukan mereka itu yang membuka peluang luas bagi mereka, mungkin kerana tidak cukup pendapatan terpaksa menerima rasuah. Bukan saya hendak menuduh tetapi mungkin kerana tidak cukup pendapatan ini, dipotong kerana pinjaman-pinjaman mereka maka sudah pastilah mereka akan melakukan itu semua.

Soal pencon. Soal pencon ini saya pun bersetuju dengan Kerajaan. Soal pencon ini kalau boleh saya sebutkan dengan izin, ialah suatu "colonial heritage British" kepada kita. Kita terpaksa membayar pencon kepada pegawai-pegawai British yang telah bersara, kepada orang-orang yang telah mati di negara asing selain daripada negara kita ini. Ganjaran pencon ini sebenarnya tidaklah seberapa banyak jikalau dibandingkan dengan KWSP yang banyak. Tetapi yang memelikkan saya dan yang menghairankan saya ialah masih ramai terdapat pegawai-pegawai Kerajaan sendiri yang pencon, yang bersara diambil semula bekerja dengan Kerajaan atau lain-lain badan berkanun yang menyebabkan timbulnya rasa "frust" di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan yang menunggu untuk kenaikan pangkat. Ini memang banyak di dalam Kerajaan sendiri. Kita bersetuju supaya buat pencon lebih awal tetapi Kerajaan janganlah melantik semula mereka itu dengan apa alasan sekalipun, kecualilah orang yang terlalu profesional, tinggi taraf profesionalnya yang tidak boleh diganti. Jika sekiranya pentadbir-pentadbir, Pegawai Pentadbir dan Diplomatik, Duta-duta misalnya siapa sahaja pun boleh menggantikannya di kalangan pegawai-pegawai PTD.

Jadi, apabila kita hendak mula memberi pencen yang lebih awal maka Kerajaan janganlah melantik semula seperti amalan dahulu yang dilantik semula mereka dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Soal pembangunan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebut sedikitlah soal pembangunan ini iaitu soal pembangunan tanah terutamanya di bawah Sektor Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). IADP ini perancangannya adalah suatu perancangan yang ideal. Pembentukan agensi-agensi Kerajaan di bawah IADP ini dianggap pada pandangan saya cukup elok tetapi perlaksanaannya cukup tidak memuaskan. Sebabnya tidak ada satu projek pun di bawah IADP ini yang dilaksanakan dengan baik. Kerana tiap-tiap jabatan yang termasuk di bawah IADP ini mempunyai sikap bangga kepada projek masing-masing, "Proud of their own project" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, mereka ini akan berusaha untuk menimbulkan projeknya sahaja.

Di tempat saya di Pendang misalnya projek-projek IADP yang diluluskan pada tahun 1981 dahulu sampai sekarang ini tidak lagi dilaksanakan. Pegawai yang hadir di Mesyuarat Tindakan Daerah pun tidak tahu apa yang sedang berlaku dengan projek-projek itu sedangkan wang peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Bank Dunia telah lama dulu diterima.

Jadi, perkara ini haruslah bagi kita untuk memperbaiki supaya semuanya ini akan dapat berjalan dengan baik. Kerajaan akan dapat menerima hasil yang baik dan rakyat juga akan dapat menerima kesan tindakan Kerajaan ini dengan baik.

Jadi, dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, suatu penyelarasan di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terletak di bawah IADP ini mestilah ada penyelarasan yang baik dan menjalankan tugas dengan baik.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya mohon untuk menyokong Belanjawan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

3.55 ptg.

Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober 1986 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Dewan ini adalah kali yang pertama dan juga bercakap dan menyampaikan hasrat rakyat dalam kawasan jelapang padi Tanjong Karang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucap syabas di atas keberanian dan kecekapan, ketegasan serta keazaman Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 1987 yang bertujuan untuk memperketatkan perbelanjaan dan meningkatkan lagi produktiviti. Tujuan serta keazaman yang gigih ini adalah untuk membantu Kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara yang tidak menentu sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk terus kepada pembangunan. Walaupun Belanjawan 1987 ini telah

dikurangkan sebanyak 11% jika dibandingkan dengan Belanjawan tahun 1986 yang lalu saya amat berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah meletakkan 70% daripada perbelanjaan Pembangunan telah dihaskan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperkatakan pembangunan infrastruktur luar bandar, saya ingin menyentuh tiga perkara. Pertama, jalan-jalan di luar-luar bandar; kedua, bekalan-bekalan api dan ketiga bekalan air.

Saya berpendapat bahawa ketiga-tiga kemudahan asas ini adalah amat mustahak dan perlu diambil perhatian yang serius. Apatah lagi apabila peruntukan bagi tahun 1987 ini telah dikurangkan sebanyak \$2,185 juta ataupun 25% daripada peruntukan tahun lalu. Oleh yang demikian, kajian terperinci perlu dibuat sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan.

Saya ingin mencadangkan selain daripada negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan kawasan-kawasan rezab Melayu di pantai barat Semenanjung perlulah diambil perhatian. Kawasan-kawasan ini kebanyakannya berhampiran dengan bandar-bandar tetapi tidak mempunyai jalan-jalan yang sempurna, jalan-jalan kampung yang secukupnya. Dengan yang demikian, hasil-hasil pertanian tidak dapat dipasarkan dengan segera ke bandar-bandar yang berhampiran. Dengan adanya jalan-jalan kampung luar bandar ini juga akan dapat meninggikan lagi produktiviti serta daya pengeluaran bagi tanah-tanah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah air ini amat penting bagi penduduk-penduduk di luar bandar. Kalau saya tidak bercakap dalam masalah ini saya rasa tidak padat pada

pendapat saya mengenai bekalan air tempat-tempat yang terpencil di luar-luar bandar yang mana mereka ini ingin hendak merasa nikmat pembangunan dan ingin hendak merasa nikmat kemerdekaan. Sesudah 30 tahun lebih kita merdeka, banyak lagi kampung-kampung yang tidak dapat dimasukkan paip-paip air. Ianya amat perlu untuk diambil perhatian segera dengan adanya bekalan air yang bersih kita akan dapat meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat di luar-luar bandar.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti saya bersetuju dengan konsep untuk membekalkan air dengan percuma melalui stand-stand pipe awam. Sebab rancangan yang serupa ini kebanyakannya telah disalahgunakan oleh rakyat itu sendiri. Ada terdapat di stand-stand pipe di setengah-setengah tempat dalam negeri Selangor ini yang saya lihat bukan sahaja air itu diminum oleh manusia tetapi di dapati kerbau lembu, lori-lori mandi di tepi-tepi stand pipe. Ini adalah amat merugikan Kerajaan dan juga rakyat. Kerajaan telah banyak membazirkan wang jika tidak dikawal. Ini perlu diambil berat dan diambil perhatian oleh Kementerian yang bertanggungjawab dalam masalah ini.

Rancangan atau skim bekalan air ini hendaklah disampaikan ke rumah-rumah penduduk-penduduk luar bandar. Tetapi adalah malang sekali bahawa saya difahamkan pada masa ini Jabatan Bekalan Air tidak mempunyai meter yang cukup untuk dibekalkan kepada para pelanggan, saya tidak tahu apa sebabnya. Adakah kedudukan ini benar, jika benar perkara ini berlaku Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang segera untuk mengatasi masalah ini. Aduan-aduan serta rintihan-rintihan ini diperolehi juga daripada pemaju-pemaju perumahan. Oleh itu, perkara kekurangan meter ini amatlah mustahak kerana tanpa meter-meter air ini penghuni-penghuni tidak

dapat masuk ke rumah mereka kerana tidak ada Sijil Layak menduduki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan air ini juga, saya ingin mencadangkan suatu kajian menyeluruh bagi menyediakan bekalan air yang cukup ke seluruh negara menjelang tahun 2000. Perkara ini amatlah mustahak dan penting kerana sama-sama kita mengetahui bahawa di mana-mana juga projek perumahan sama ada di bandar, di luar bandar dan juga Skim-skim FELDA bekalan air adalah amat penting sekali. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengorak langkah bagi mendapatkan sumber-sumber air yang baru walaupun projek-projek memproses dan menapis air bagi kegunaan awam ini menelan belanja yang begitu besar, namun ianya tetap viable, dengan izin, dalam jangka masa panjang sebab projek-projek tersebut akan menjadi satu punca hasil baru kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah bekalan api di kampung-kampung sangat mendukacitakan kerana didapati banyak permohonan daripada tiap-tiap kampung tidak dapat dilaksanakan. Pernah kita dengar jawapan daripada pihak berkenaan tidak ada mempunyai meter-meter yang cukup, tidak mencukupi tiang-tiang dan sebagainya. Oleh itu, saya berharap pihak Lembaga Letrik Negara dapat memperbaiki kelemahan. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah diberi tahu bahawa kekurangan alat-alat seperti meter ataupun alat-alat ubah, dengan izin, transformer juga berlaku di dalam Lembaga Letrik Negara. Jika kekurangan bekalan alat-alat ini benar, saya ingin mengetahui daripada agensi yang berkenaan, apakah sebab-sebabnya maka keadaan yang begini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah cara-cara dalam masa jangka pendek untuk menyelesaikan masalah ini sebab ianya akan menyusahkan rakyat terutama sekali mereka yang membeli rumah-rumah daripada Kerajaan dan juga daripada swasta serupa juga perkara yang saya sebutkan tadi dalam masalah air. Kalau mereka tidak ada Sijil Layak maka rumah itu tidak dapat dimasuki.

Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa ini kita menghadapi zaman meleset dan Kerajaan sentiasa perlu berjimat cermat, saya ingin mencadangkan bahawa segala projek-projek ataupun infrastruktur di kawasan luar bandar seperti bekalan elektrik, membina jalan-jalan dan jambatan-jambatan hendaklah dibuat secara gotong royong. Walau bagaimanapun, cara dan konsep perlulah kaji dengan teliti agar ianya dibuat tidak menyalahi peraturan kewangan. Dengan adanya projek-projek tersebut dijalankan secara gotong royong Kerajaan sudah pasti akan dapat memainkan serampang dua mata. Satu daripadanya dapat memberi pekerjaan kepada belia-belia dan juga kepada penganggur-penganggur di dalam kawasan yang tersebut. Ianya akan dapat membantu mengadakan pekerjaan kepada apa yang saya sebutkan tadi. Untuk menjaga mutu hasil kerja-kerja projek ini pihak jabatan-jabatan yang bersangkutan, umpamanya kalau kita membuat jambatan mestilah Jabatan Kerjaraya, begitu juga jalan, apa-apa juga yang bersangkut paut dengan jabatan-jabatan yang berkenaan bolehlah ianya menjalankan peranan sebagai badan pengawas kepada projek-projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah pertanian dan pembangunan tanah, dalam Belanjawan 1987 ini, saya ingin mengucapkan syabas sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan,

kerana telah mengutamakan kawasan luar bandar dalam strategi Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan daya pengeluaran di sektor pertanian dan membuka tanah. Untuk sektor pertanian ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1,623 juta ataupun 24% daripada jumlah Belanjawan Pembangunan. Peruntukan ini telah bertambah 5% jika dibandingkan dengan peruntukan 1986 ianya cuma 19% sahaja. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan akan menekankan dan meningkatkan kegiatan pertanian mulai dari sekarang, saya ingin mengesyorkan supaya jentera pelaksanaannya mestilah dikaji semula supaya ianya seimbang dengan tugas serta beban rakyat yang akan dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara ini tidak dilakukan saya khawatir apa yang dirancang nanti tidak mencapai matlamat yang dituju. Saya ingin memberikan satu contoh di sini iaitu dalam bidang pengeluaran hasil padi. Pengeluaran hasil padi mengikut Laporan Ekonomi 1986/1987 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan hasil pengeluaran padi 1986 dijangka akan merosot 3.5% iaitu dari 1,952,900 tan metrik pada tahun 1985 kepada 1,885,200 tan metrik pada tahun 1986 ini. Di antara sebab-sebab kemerosotan ini ialah kerana kekurangan keluasan tanah untuk tanaman padi, mungkin tanah telah digunakan untuk projek-projek lain seperti perumahan dan lain-lain jenis tanaman dan juga daya penghasilan yang lebih rendah.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sebab-sebab yang ditimbulkan itu, saya berpendapat lagi satu punca kekurangan hasil padi ini iaitu serangan serangga juga turut mengurangkan pengeluaran padi di satu-satu kawasan itu. Di kawasan jelapang padi Tanjong Karang misalnya serangan serangga yang

dinamakan Bena Perang masih belum dapat dihapuskan sama sekali. Ada setengah-setengah kawasan itu para petani tidak dapat langsung mengutip hasil padi-padi yang ditanam. Kejadian ini masih berlarutan walaupun Jabatan Pertanian dan lain-lain agensi Kerajaan cuba untuk memeranginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada LPN yang menjadi orang tengah yang menentukan harga padi tetapi ada juga perkara yang hendak disebutkan di dalam Dewan ini iaitu LPN baru-baru ini telah memotong atau potongan padi itu terlampau tinggi. Seguni padi dipotong sampai 40 kilo sedangkan petani-petani dapat padi yang begitu sedikit kerana dimakan ulat dan berbagai-bagai lagi. Oleh itu apa yang diminta kepada LPN supaya dapat mengkaji semula di atas potongan ini iaitu berpandu kepada gred satu, dua, B, C, atau apapun, dan petani-petani bersungut. Pernah di satu masa di antara petani dengan LPN sedikit lagi hendak bergaduh dalam kawasan Sungai Nibong, oleh itu kita terpaksa campur tangan memberi jaminan bahawa perkara itu akan dibawa di dalam Dewan Rakyat sedangkan pada masa itu kita di dalam pilihanraya belum tahu siapa menang di antara Barisan Nasional dengan PAS, tetapi diagakkan Barisan menang. Jika Barisan berjaya saya akan bawa ke Dewan Rakyat masalah potongan yang begitu tinggi.

Sememanglah orang berniaga mestilah hendakkan untung yang banyak tetapi dalam masalah ini saya harap LPN kajilah semula supaya potongan ini tidak begitu banyak yang dikenakan kepada petani-petani kita.

Apa yang hendak saya sarankan di sini ialah jika sekiranya bertanam padi tidak menjadi, tidakkah boleh jenis tanaman lain digantikan sebagai suatu alternative, dengan izin, sekurangnya caranya cara yang demikian itu akan

dapat menolong untuk meringankan beban para petani kita. Di kawasan Tanjong Karang ini, saya rasa tanaman jagung amatlah sesuai tetapi selama ini tiada usaha telah dijalankan untuk berbuat demikian. Jika sekiranya pemasaran menjadi masalah, saya rasa perkara ini tidak timbul sebab mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan terpaksa mengimport bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, daging, ikan, buah-buahan dan juga termasuk jagung. Jika buah-buahan, makanan yang diimport dapat dikurangkan ataupun ditanam di negara kita ini sudah tentu Kerajaan akan dapat menjimatkan tukaran asing sebanyak \$3.1 ribu juta pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu di sinilah perlunya jentera Kerajaan ataupun jentera pelaksanaan sesuatu agensi itu sentiasa sensitif kepada perubahan atau perkara-perkara baru yang berlaku di sekeliling mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil mahsul di luar bandar, Kerajaan juga jangan lupa untuk menjaga harga hasil-hasil pertanian. Pada masa ini harga koko, kelapa sawit dan kelapa adalah begitu rendah dan tidak dapat menampung belanja pengeluaran, ini sudah semua orang tahu. Pernah dalam pilihanraya di kawasan Tanjong Karang, pemimpin PAS menggantungkan tiga biji kelapa di atas gambar Dato Seri Dr Mahathir yang mengatakan kalau Barisan Nasional menang, kelapa harga tiga sen sebiji dan begitu juga cemuhan-cemuhan daripada parti-parti Pembangkang. Mengenai kelapa dan sayur-sayuran pula, saya berharap kepada FAMA perlu mengadakan banyak lagi pasar-pasar tani di tempat-tempat, di bandar-bandar yang sesuai. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada FAMA di atas usaha-usaha pemasaran secara pasar tani ini

yang mana ianya mendapat sambutan yang begitu hebat.

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan. Oleh kerana pada masa ini kita sedang menekankan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian, kita harus tidak lupa untuk meningkatkan, menitikberatkan tentang bidang penyelidikan. Janganlah kita hanya asyik dengan pengeluaran yang banyak tetapi tidak mengutamakan mutu, dengan izin, quality, pengeluaran itu. Oleh yang demikian kita harus memberikan peruntukan yang secukup-cukupnya kepada MARDI semoga dengan adanya benih-benih yang baik, kita akan dapat meningkatkan lagi mutu serta pengeluaran pertanian di dalam negara kita ini dengan baik juga.

Saya berpendapat dalam bidang penyelidikan pertanian di negara kita ini jauh tinggal ke belakang jika kita bandingkan dengan negara-negara jiran di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit dalam masalah perumahan. Saya juga ingin membangkitkan bidang perumahan, terutama sekali bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah yang telah dijanjikan oleh Kerajaan baru-baru ini ataupun berpandukan kepada Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Kerajaan telah menetapkan matlamat sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun oleh sektor swasta bagi tempoh 1986 hingga 1988 dan seterusnya.

Kemajuan pelaksanaan skim ini setakat ini boleh dikatakan, saya mengatakanlah, bukan semua tempat, ada yang tidak memuaskan. Saya rasa skim dan program untuk 80,000 rumah kos rendah tidak mencapai kejayaan tanpa daya usaha kita semua. Apa yang diharapkan, kita tahu di peringkat kebangsaan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi

pengerusi tetapi di peringkat negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan di peringkat daerah diharapkan supaya Pegawai Daerah dan juga jawatankuasa tanah daerah untuk sama-sama berusaha supaya projek ini tidak tergendala kerana pengambilan tanah juga bergantung banyak kepada Pejabat-pejabat Tanah Daerah. Apa yang diharapkan, jika tidak mungkin matlamat kita hendak mencapai ke tahap itu mungkin barangkali tidak terdaya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya bercakap dalam masalah-masalah, perkara-perkara yang difikirkan perlu juga iaitu cukai-cukai yang dinaikkan. Yang pertamanya, saya kurang puas hati juga di atas pemotongan peruntukan Kementerian Pertahanan, peruntukan Kementerian Dalam Negeri, Polis yang mana Balai-balai Polis yang kita dapati di dalam negara kita ini khasnya dalam Negeri Selangor juga di Daerah Kuala Selangor termasuklah Tanjong Karang tempat saya sendiri, juga di Wilayah Persekutuan, di Kepong, Balai Polis terpaksa menyewa sebuah bangunan kedai untuk dijadikan Balai Polis.

Oleh itu peruntukan yang dipotong itu rasa saya patut dipertimbangkan semula supaya diberikan kepada Polis supaya dapat bangunan-bangunan itu digantikan dengan bangunan baharu dan tidak lagi menyewa di kedai-kedai. Begitu juga Balai-balai Polis kita dapati di dalam Negeri Selangor ini banyak yang patut kita ganti, tidak kita ganti itu kita semua tahulah disebabkan kemelesetan kewangan, kemelesetan ekonomi negara, itu semua kita tahu, tetapi jika boleh ini hendaklah dibuat kalau tidak dapat semua sekali, berperingkat-peringkat, sebab ianya dapat dikenali sebuah negara yang benar-benar menjalankan tanggungjawab.

Kita bukanlah sebagai Wakil Rakyat daripada DAP, hanya menghentam

Kerajaan semata-mata, tidak pula mencadangkan perkara yang baik, saya mengikuti dalam Dewan ini berapa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP juga daripada PAS, apa yang telah dibuat oleh Kerajaan semuanya tidak kena kepada mereka, semuanya tidak betul. Dan apa yang dijanjikan oleh Kerajaan semuanya pembohong kata mereka tetapi kalau pihak-pihak Pembangkang benar-benar bertanggungjawab, ini saya rasa soalan bertengkar di dalam Dewan ini tidak berlaku, seolah-olah macam kedai kopi, ini juga patutlah dihentikan. Saya berharap Wakil Rakyat dari DAP juga daripada PAS menghentikan bertengkar-tengkar yang bukan-bukan, kita duduk di dalam Dewan ini menyuarakan kehendak rakyat, bukan kita hendak menunjukkan kita keras kepala, hendak menunjukkan lengan besar dan sebagainya.

Jika ada pemerhati-pemerhati daripada negara luar di dalam Dewan ini memerhati dan menengok keadaan kita bertelagah, walhal DAP juga rakyat Malaysia, negara ini juga negara dia, gunakan pepatah Melayu, di mana langit dijunjung, di situlah hendaknya bumi dipijak. Janganlah langit kita junjung di sini, bumi tempat lain yang kita pijak. Ini harapan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah cukai. Banyak lagi cukai-cukai yang boleh kita naikkan, terutama cukai-cukai rokok, minuman-minuman keras, cukai kereta-kereta besar, kereta mewah yang diimport daripada luar negeri, barang-barang rumah yang diimport daripada luar negeri, daripada Italy dan sebagainya, ini patut dinaikkan, bukan sahaja 100%, 200% pun boleh kita naikkan kerana yang mengimport ini orang-orang yang mempunyai kewangan yang banyak, tetapi kalau boleh saya berharap serupa juga harapan saya seperti Wakil daripada Pendang tadi, kenaikan

faedah perumahan ini sangatlah mencemaskan pegawai-pegawai Kerajaan.

Kita telah dengar semenjak itu diumumkan di mana-mana juga kita pergi sungutan daripada mereka. Kalau boleh pihak Kerajaan, bukan saya tak setuju, setuju kalau boleh pihak Kerajaan mengkaji semula di atas kenaikan ini. Ini adalah memberatkan lagi beban kakitangan kerajaan kita. Saya rasa itulah sahaja saya hendak bercakap dalam Dewan ini, saya pun tidak bercadang hendak menghentam Kerajaan, saya bukannya DAP, saya penyokong Barisan Nasional, bercakap apa yang saya fikirkan perlu saya cakapkan, itulah saya cakapkan dan sebelum saya duduk, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Kita mesti mengucapkan terima kasih, sepatutnya DAP juga mengucapkan terima kasih, kerana Perdana Menteri dalam Malaysia ini tak ada dua, cuma seorang sahaja, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad. Kalau itu Perdana Menteri Barisan Nasional, DAP pun mesti mengakui bahawa itulah juga Perdana Menteri DAP sebab dalam negara kita ini cuma satu Perdana Menteri. Adalah juga barangkali sedikit-sedikit kelemahan, sedikit-sedikit kesilapan, banyak perkara yang penting yang boleh pihak DAP membawakan pandangannya di dalam Dewan yang mulia ini. Pihak Barisan Nasional tidak pula mengabaikan pandangan yang baik daripada parti Pembangkang. Kita cuba memberikan pandangan yang baik kepada Kerajaan, jangan kita asyik hendak menghentam, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua memberhentikan kita berucap, kita hendak hentam lagi, kadang-kadang bercakap bertalu-talu menghentam. Ini tidak ada apa-apa maknanya. Apakah sumbangan DAP kepada tanahairnya sendiri?

Saya hendak bertanya, kalau Kerajaan ini bankrap, apakah DAP tidak terlibat bankrap sama? Itu kita hendak tanya. Kita sama-sama sebagai Ahli Dewan Rakyat, sama-sama menjaga negara kita Malaysia, sama-sama kita memulihkan inflasi ini, kemelesetan kewangan negara. Ini bukan terserah kepada Perdana Menteri seorang sahaja. Itulah sebabnya kita dipilih 4, 5 tahun sekali untuk bersama-sama cara mana kemelesetan ekonomi negara boleh pulih dengan segera, macam sedia kala, cara mana? Pendek kata, apakah keadaan macam ini berlaku, kita sudah lari, kita menghentam, ini semua Kerajaan salah, Kerajaan buat bangunan besar-besar, Kerajaan buat jambatan panjang-panjang tidak berguna untuk rakyat. Jambatan Pulau Pinang dibangkitkan.

Saya tengok tidak ada buruk dan lotong untuk melalui jambatan itu, semuanya manusia belaka. Ini tidak merugikan DAP. Apakah kita tidak bersyukur kepada Tuhan dan apakah kita tidak berbesar hati negara kita dapat buat satu jambatan panjang, yang nombor tiga di dalam dunia panjangnya, kita tak megahkan? Walaupun negara kita kecil, walaupun kita baru merdeka lebih kurang 30 tahun, apakah kita tidak megah? Bangunan yang menjulang-julang pencakar langit naik di ibu kota. Apakah kita suka melihat bangunan yang lepek-lepek, yang rendah-rendah? Apa itu DAP suka? Kalau ini kita buat Kerajaan buat, DAP menyalahkan Kerajaan kenapa Kerajaan tak buat bangunan tinggi-tinggi. Pelawat-pelawat datang dari luar negeri tengok bangunan kita yang rendah-rendah, maka Kerajaan, salah juga, habis yang mana satu nak buat?

Oleh itu, mulai pada hari ini diharapkan wakil-wakil DAP marilah kita sama-sama menasihatkan Kerajaan cara mana, bukan cara tumbuk-tumbuk meja. Nak tumbuk

meja kita pun tumbuk boleh pecah kalau hendak lawan tumbuk kita pun kuat juga. Cara mana kita dapat menolong Kerajaan mengatasi masalah ini

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tak usahlah saya pun hendak berhenti, tak payah diganggu saya. Oleh itu kita harap di antara pihak DAP dan pihak kita sama-sama memikirkan perkara-perkara yang baik dan sama-sama kita menjaga maruah Perdana Menteri, maruah Menteri-menteri kita, mana tahu di satu masa kelak, DAP menjadi Kerajaan—300 tahun lagi, not now, dengan izin, tidak sekarang, 300-400 tahun lagi, kita sudah tidak ada lagi, barangkali boleh jadi di masa itu semua rakyat bodoh, pada masa itu boleh jadi agaknya. Oleh itu dengan kata-kata ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading.

4.26 ptg.

Dr Patau Rubis (Mas Gading): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Jikalau ada papan raya patah

Jangan disimpan dalam peti

Jikalau ada ucapan saya yang salah

Jangan disimpan di dalam hati
(*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul-usul yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 dibacakan kali kedua dan Anggaran Pembangunan, 1987 dirujuk kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis.

Dengan itu saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai perkara-perkara yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, saya ingin terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang ini supaya pertama kalinya saya dapat memberikan pandangan saya kepada dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dengan Belanjawan Persekutuan, 1987 dan usul dibahaskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk memperkukuhkan pungutan hasil ialah satu tugas yang penting dan halus. Kenaikan cukai sebarang-barang boleh melemah aktiviti ekonomi dan menjejaskan ekonomi negara, tetapi jika cukai tidak dinaikkan dengan pungutan hasil tidak mampu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab Kerajaan, ini akan membawa banyak masalah pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, walaupun saya bersetuju dengan lima langkah yang dicadangkan, saya mencadangkan Kerajaan meneliti dengan baik beberapa langkah yang lain yang boleh diambil supaya pungutan hasil dinaikkan dan dengan Belanjawan Persekutuan diturunkan lagi. Pada masa ini sekurang-kurangnya dua langkah dapat ditimbang lagi iaitu pungutan lesen radio dan TV dan cukai lapanganterbang.

Lesen radio dan TV. Cara pungutan hasil dari lesen radio dan TV pada masa kini mengikut perangkaan yang ada dari buku rasmi tahunan Malaysia, 1985 tidak memuaskan. Untuk menentukan bayaran lesen tersebut oleh pemilik-pemilik, eloklah lagi jika Kerajaan mengutip wang berkenaan pada masa alat-alat tertentu dibeli melalui taksiran yang boleh dibuat kita menetapkan umur hidup alat-alat berkenaan. Dari itu kita menetapkan jumlah ongkos lesen tersebut. Jika

langkah ini diambil belanja untuk mengutip hasil daripada pemilik dapat dikurangkan.

Kedua, kadar pemilikan radio dan TV yang ada lesen akan ditambah dan hasil dipungut dari lesen radio dan TV akan bertambah juga.

Cukai lapangan terbang

Kita ingin menggalakkan pelancongan dalam negeri kita dan tidak menggalakkan ke luar negara. Kita ingin memberi kemudahan asas seperti hospital, klinik dan lain-lain kepada rakyat kita yang kurang bernasib baik tetapi kedudukan ekonomi dan keadaan wang kita tidak mengizinkan. Kita tahu juga orang-orang yang dapat melancong ke luar negeri atau ke luar negara ialah orang yang berada atau berkemampuan kewangan. Oleh yang demikian, bolehlah sekiranya kita menaikkan cukai lapangan terbang antarabangsa \$10 atau lebih lagi. Wang yang dipungut, jikalau boleh kita dapat dikhaskan untuk membuat kesihatan rakyat, pusat kesihatan atau klinik-klinik desa. Dari anggaran saya, mengikut perangkaan yang ada sekarang, hasil dipungut setahun berjumlah sekurang-kurangnya \$15 juta. Ertinya dari hasil dipungut itu sahaja kita dapat membentuk satu buah pusat kesihatan daerah, satu atau dua pusat kesihatan atau klinik desa.

Oleh demikian saya memohon bagi pihak orang yang kurang bernasib baik, orang yang duduk di luar bandar yang mana kemudahan asas tidak ada, khasnya kemudahan perubatan dan kesihatan, sekiranya Kerajaan mengasihi dan merasa belas kepada mereka, Kerajaan harus menaikkan cukai Lapangan Terbang Antarabangsa sekurang-kurangnya untuk orang miskin, orang yang sakit dan orang yang susah dan sedih, tetapi belum lagi menikmati buah

kemerdekaan kita. Untuk mereka, saya memohon perasaan belas dari orang yang mampu melancong atau bercuti ke luar negeri. Untuk mereka Kerajaan seharusnya bertindak, mudah-mudahan dari berkat orang miskin, orang tua dan orang sakit kita dapat maju, berjaya dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1987, peruntukan yang dicadangkan ialah melebihi hasil yang akan dipungut. Kedudukan yang begini adalah amat bahaya dan boleh melemahkan ekonomi negara kita seterusnya. Kedudukan rezab luar kita pun rendah, kerana ini perlulah kita mencari jalan supaya satu Belanjawan Mengurus dapat dikurangkan sekurang-kurangnya 10% lagi dan keluaran negara kita mesti kita cari cara supaya dapat meningkat. Haraplah dalam kajian-kajian tertentu untuk mengkaji dan menyusun semula pentadbiran negara dan Kementerian-kementerian berkenaan kita dapat membuang program-program yang berduplikasi dan kegiatan-kegiatan yang tidak perlu atau berfaedah. Contohnya, tugas-tugas yang boleh dan tidak berapa sebak boleh digolongkan supaya satu jawatan sahaja ditubuhkan, sepertimana di Sarawak sekarang, ada satu jawatan bernama Kerani-Jurutaip. Pemegang jawatan tersebut boleh menjalankan kedua-dua tugasnya sebagai kerani atau jurutaip. Tetapi sekarang saya mendengar jawatan itu akan dimusnahkan supaya kedua-dua jawatan baru ditubuh, iaitu jawatan Kerani atau Jurutaip. Ertinya sekarang Kerani tidaklah perlu menaip dan Jurutaip tidaklah perlu menolong kerja-kerja dan apa-apa tugas yang lain, selain dari menaip.

Dalam pejabat yang kecil itu, untuk menolong pegawai yang lain, kehendaknya boleh dipenuhi oleh Kerani/Jurutaip. Tetapi kalau kita mengambil kedua-dua pekerja, satu Jurutaip dan satu Kerani, tugas-tugas

yang ada tidak mencukupi. Oleh yang demikian, saya harap pihak yang berkuasa dan berkenaan meneliti semula Skim Perkhidmatan Kerajaan supaya tugas-tugas yang perlu dapat digolongkan supaya pekerja-pekerja diambil dapat digunakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu, dua lagi contoh pembaziran wang yang mana kerana kedudukan Skim-skim Perkhidmatan sekarang ongkos menjalankan tugas berkenaan menjadi mahal. Tetapi kerana masa terhad, saya minta supaya semua Pengurus-pengurus yang bertanggungjawab dan berkuasa mengikut satu prinsip dalam membentuk dan mengubahsuai skim atau nama jawatan. Prinsip ini ialah membenarkan orang terendah layak menjalankan tugas atau, dengan izin, let the lowest qualified do the job. Apa yang saya hendak kata ialah tugas itu dijalankan dengan memuaskan. Kerja lebih masa selalunya tidak perlu, jikalau kerja itu perlu susunan kerja beralih patut dijalankan. Kerja lebih masa patut dikaji semula supaya perbelanjaan Mengurus dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perbelanjaan Pembangunan, keutamaan diberi kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar adalah memuaskan, tetapi kita harap pihak berkuasa dalam pelaksanaannya bergerak dengan penuh dedikasi supaya projek-projek yang diramalkan dapat berjalan dengan licin dan cepat. Permintaan ini timbul oleh kerana ramai lagi penduduk-penduduk menunggu berapa tahun yang lalu, walaupun pembangunan luar bandar diutamakan dalam beberapa Rancangan Malaysia yang lepas, tetapi pencapaiannya belum memuaskan.

Infrastruktur luar bandar, bekalan elektrik. Dari segi bekalan elektrik di luar bandar ramai lagi orang menunggu walaupun tiangnya ada berdekatan. Walaupun jalanraya sudah ada, tetapi

masih malang, rumah-rumah berdekatan masih gelap, banyak tempat-tempat di kawasan saya masih begini, haraplah pihak berkenaan memberi keutamaan di kawasan bersampingan dengan jalan raya seperti di kawasan saya, jalan raya Kuching—Bau. Jalan raya Batu Kawah—Kondong dan jalan raya Bau—Lundu dan di Kawasan Skim Pembangunan Tanah, contohnya di kawasan saya juga, pembangunan tanah oleh FELDA di Senibong, dan SALCRA di kawasan Krokong, Bau.

Kemudahan Perubatan dan Kesihatan

Bagi kemudahan kesihatan luar bandar kami di Sarawak menunggununggu Kerajaan Pusat menolong supaya penduduk-penduduk di 9 daerah bertebaran dapat menikmati rawatan doktor di kawasan-kawasannya sendiri. Daerah tersebut ialah Bau, Simunjan, Lubuk Antu, Betong, Julau, Belaga, Matu Daro, Oya Dalat dan Tatau.

Ramai penduduk di kawasan-kawasan ini belum pernah mendapat rawatan dari doktor kerana belanja tambangnya sahaja terlampau mahal. Awal tadi saya sudah mencadangkan bagaimana kita dapat mengumpulkan wang untuk membuat Hospital-hospital atau Pusat Kesihatan Daerah satu tahun. Oleh yang demikian, tidaklah ada dalih sepertimana saya sudah mendengar dalam Dewan yang mulia ini dan dari TV, dari pihak berkenaan, pernah berkata, keizinan ekonomi negara dapat membuat kemudahan perubatan dan kesihatan. Saya percaya jikalau Kerajaan Pusat khasnya Kementerian Kesihatan ada kehendak untuk membantu, langkah untuk membantu sudah sedia menunggu.

Soalnya ialah kita mahu tolong atau tidak. Saya sudah dengar, dalih tidak ada wang mulai saya bertugas sebagai Pegawai Perubatan pada tahun 1974. Dalih seperti tidak ada wang ialah

untuk Kementerian dan Kerajaan yang tidak berapa bertanggungjawab. Selepas kita meminjam beribu-ribu juta dan bayar faedah daripada 20% Perbelanjaan Mengurus apakah dalih lagi, ramai penduduk luar bandar belum menikmati kemudahan seperti Hospital Daerah.

Nampaknya kita tidak memberi keutamaan sahaja kepada masalah ini. Apa yang kita hendak seperti dahulu ialah untuk membuat hospital besar di tempat yang ada pengaruh yang kuat. Saya tidak bersetuju dengan pandangan ini, tetapi Tuhan sahaja tahu maksud sebenarnya, tetapi saya sudah tidak dapat sabar lagi mendengar, kami ingin membuat atau kami sudah mencadang, tetapi belum ada wang. Jikalau kita bersikap begini, sampai kita mati pun atau, dengan izin, "till our bones are white" tidak ada apa-apa dapat jadi. Kedudukan sebenarnya ialah Tuhan tidak dapat mengizinkan tanpa kehendak dan perbuatan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mintalah kasih sayang daripada Menteri-menteri berkenaan dengan seterusnya daripada Perdana Menteri menimbanglah cadangan saya supaya pesakit-pesakit luar bandar dapat dirawat dan diselamatkan dengan segera.

Pertanian dan Pembangunan Tanah. Pembangunan tanah ialah satu jaminan yang tetap pada masa hadapan negara kita. Berjaya atau tidak bergantung kepada pengurusan dan kehendak agensi-agensi yang berkuasa. Harap peruntukan yang besar ini pada tahun 1987 dapat dijalankan supaya hasilnya dinikmati oleh penduduk-penduduk yang tertentu. Bagi Negeri Sarawak yang mana undang-undang tanah melindungi tanah asal orang tempatan di bawah "Native Customary Rights Land", dengan izin, haraplah Kerajaan Pusat memberi pertolongan penuh kepada permintaan dari agensi-agensi yang berkuasa dan berhak

membangunkan tanah tersebut. Satu dari agensi ini ialah SELCRA (Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Agency), dengan izin, menimbang skim subsidi baja untuk koko, lada dan lain-lain. Jikalau ekonomi kita membolehkan langkah ini, produktiviti pertanian dapat dinaikkan tanpa pembangungan tanah besar, oleh kerana ramai petani-petani sudah menanam tanaman tersebut. Yang terhad pada masa kini ialah harga baja sahaja. Jikalau boleh, Kerajaan Pusat mencari jalan supaya harga baja dapat diturunkan sekurang-kurangnya 50%.

Perkhidmatan Sokongan Pertanian. Pemasaran kehasilan pertanian mesti dikaji dengan pembantuan supaya petani-petani dapat jual hasilnya kepada pembeli mesti dibuat. FAMA, MAJUIKAN dan Lembaga Pertubuhan Peladang mesti digalakkan supaya semua petani-petani dan nelayan-nelayan dapat memasarkan penghasilan mereka dengan berfaedah. Pertubuhan Peladang-peladang patut ditubuhkan di semua daerah yang mana ada peladang tertentu. Bagi kawasan saya, Pertubuhan Peladang-peladang patut ditubuhkan di Daerah Bau dan Lundu.

Tuan Yang di-Pertua, Pelajaran. Banyak sekolah menengah Kerajaan di Sarawak sekarang tidak mencukupi kemudahan-kemudahan seperti ruang bilik darjah, tempat makan dan lain-lain. Haraplah keutamaan diberi kepada menubuh bilangan sekolah menengah Kerajaan supaya masalah penuh sesak sekolah tertentu dapat diatasi. Kelemahan pelajar di dalam Peperiksaan STP di Sarawak sekarang mesti ada sebabnya. Yang selalu saya dengar ialah kelemahan dalam Bahasa Malaysia yang mana banyak kalinya guru-guru berkenaan dengan sendirinya tidak berapa fasih dalam Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, kursus-kursus bagi guru-guru yang dilatih dahulu dalam bahasa Inggeris

patut ditambah supaya semuanya dapat mengikuti kursus tersebut dengan secepat mungkin.

Dasar Ekonomi Baru

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini izinkanlah saya mengulas sedikit berkenaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru supaya dasar ini dapat menolong kita mencapai matlamat-matlamat terkandungnya. Matlamat pertama ialah satu tujuan yang kita dihargai. Tetapi janganlah kita putus asa, jikalau matlamat itu tidak dicapai kerana soal kemiskinan ini bukanlah bergantung kepada dasar-dasar atau polisi-polisi Kerajaan sahaja, tetapi kepada sifat-sifat semua individu diri sendiri khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Matlamat kedua, menyusun semula masyarakat supaya dapat mengurangkan dan akhirnya fungsi-fungsi ekonomi dan kawasan ialah satu matlamat yang susah dicapai. Pencapaian matlamat ini menjadi mustahil kerana keadaan sosio ekonomi dan politik sekarang, tetapi bukanlah pencapaian 100% yang kita patut kehendaki. Kita hendak ialah negara kita mungkin maju dan suasana yang aman dan berharmoni.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan, pertama, satu pekerjaan bagi satu keluarga patut diambil sebagai satu prinsip untuk memilih pekerja-pekerja baru oleh semua majikan, khususnya Kerajaan Pusat dan Negeri sebagai majikan terbesar di negara kita kerana jikalau dalam semua keluarga ada satu pekerja yang bergaji tiap-tiap bulan, kita sudah tahu dari nisbah yang ada sekarang: seorang dari 17 orang kerja dengan Kerajaan. Dari itu sahaja kita dapat mengurangkan kemiskinan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kadar Asas Pinjaman. Untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, khususnya dari

segi sektor swasta, Bank Negara dengan bank-bank yang lain patut ambil langkah-langkah yang perlu supaya perbelanjaan semasa, khususnya "overhead cost", dengan izin, atau ongkos-ongkos membayar pekerja-pekerja dan lain-lain oleh semua bank dan institusi-institusi kewangan dapat diturunkan supaya kadar asas pinjaman pun dapat diturunkan dari apa yang ada sekarang.

Ekonomi Negara

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk menarik kepercayaan pelabur-pelabur selain dari perangsang-perangsang yang dicadangkan, kita perlu juga memperbaiki kesopanan kita dan langkah-langkah pembicaraan kita di Dewan yang mulia ini oleh kerana apa yang berlaku sepanjang sidang ini boleh menggambarkan kita kepada orang luar, khususnya orang asing, sebagai kita tidak stabil dan berubah-ubah dalam kalangan politik. Yang kedua, tidak berapa serius dalam usaha-usaha kita mencari penyelesaian ekonomi atas masalah kita hadapi sekarang. Yang Berhormat dari Tanjong Karang sudah juga berhujah tadi, saya harap semua Yang Berhormat ambil perhatian.

Kedua, menggambarkan kurang sensitiviti kepada isu-isu perkauman dan agama.

Ketiga, keperluan untuk membekalkan peluang lebih baik lagi daripada petani-petani amnya melalui:

- (i) subsidi baja-baja;
- (ii) penubuhan pertubuhan peladang-peladang ke semua daerah;
- (iii) pemasaran yang baik dan luas lagi bagi keluarannya.

Keempat, keperluan memajukan banyak lagi industri-industri yang berdasarkan kepada pengeluaran petani supaya pemakanan yang

tertentu dapat dikeluarkan dan dipasarkan secara luas lagi.

Ketiga, pengeluaran ubat-ubat seperti vitamin-vitamin dan lain-lain.

Keempat, keperluan mengurangkan Kadar Asas Pinjaman seperti saya katakan tadi supaya semua pinjaman swasta dapat diluaskan dan digunakan untuk berniaga dan supaya kita dapat mengembangkan ekonomi negara kita.

Keperluan negeri Sarawak

Izinkan saya mengulas sedikit kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan patut diluaskan dan dinaikkan tarafnya. Pada masa sekarang sebagai contohnya ada daerah di Sarawak yang belum ada Pusat Kesihatan Daerah atau Hospital Daerah. Di kawasan-kawasan itu saya telah pun sebutkan tadi.

Sistem jalan raya patut diluaskan dan dinaikkan tarafnya supaya ongkos pengangkutan dapat diturunkan dan pembangunan tanah dapat dimulakan. Pertolongan kepada pihak yang tertentu untuk membangun khususnya tanah dimiliki oleh bumiputera di bawah hak tanah bumiputera, atau dengan izin, native customary rights land patut ditinggikan. Kemudahan dan perkhidmatan pelajaran khususnya di paras secondary and tertiary dengan izin, patut dinaikkan juga.

Pembasmian kemiskinan

Selain dari kesemua langkah-langkah diambil, dijalan dan dicadang sekarang dan pada masa hadapan, matlamat supaya pembasmian kemiskinan dapat dicepatkan lagi dicapai jikalau satu sikap dapat diterima dan dilaksanakan oleh semua majikan. Sikap itu saya sudah katakan tadi, satu pekerja untuk satu keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, kepada semua Menteri-menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen-Setiausaha Parlimen dan

tidak lupa pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada semua yang betul-betul di masa hadapan menolong kami di Sarawak, khususnya orang Dayak dan orang Bidayuh, saya ingin menjunjung sebelum saya mengakhiri ucapan saya satu pantun, ialah begini:

Pisang emas bawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas dapat dibayar,
Hutang budi di bawa mati. (*Tepuk*)

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Benut.

4.44 ptg.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut): Tuan Yang di-Pertua, saya membawa salam takzim dari penduduk-penduduk kawasan baru Parlimen Sungai Benut, Johor. Pertama sekali saya menghulurkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan Anggaran Belanjawan 1987. Anggaran Belanjawan membentangkan masalah sebenar yang dihadapi negara. Langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasinya adalah pragmatik, rasional dan berani.

Sudah tiba masnya kita mengakui Malaysia sebuah negara

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap. Biasanya dalam Dewan ini tak dibenarkan membaca. Tetapi kalau kita membaca, jangan tunjuk-tunjuk sangat, kalau boleh taruh bawah. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Baik . . . sudah tiba masnya kita mengakui Malaysia sebuah negara yang miskin dan lemah yang selama ini berlagak seperti negara kaya.

Satu daripada tandanya ialah permintaan gaji berlebihan dari rakyat pada tahun-tahun lepas. Permintaan ini dibuat tanpa mengira kenaikan daya pengeluaran. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kadar kenaikan kos buruh telah mengatasi kadar kenaikan daya pengeluaran. Di antara tahun 1980 hingga 1985, kos sebenar buruh telah meningkat dengan purata kadar lebihkurang 10% setahun. Pengeluaran sebenar pekerja pula telah meningkat dengan purata kadar 4% setahun sahaja. Ini telah membuat negara kita negara yang mempunyai kos buruh yang tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini. Ianya telah menjejaskan daya saingan kita untuk memikat pelaburan luar.

Kemelesetan ekonomi yang berlanjutan telah menyentak kita balik kepada kenyataan. Pepatah Melayu mengatakan: Sesat di tengah jalan, balik ke pangkal jalan. Sudah tiba masanya kita kembali ke corak hidup mengikut kadar kemampuan kita. Belanjawan tahun ini menyeru kita menerima hakikat tersebut. Apa yang tersurat di dalam Belanjawan 1987 adalah langkah pertama untuk kita mencorak satu strategi jangka panjang, strategi pengubahsuaian struktur ekonomi mengikut kehendak masa demi untuk menjamin keadaan ekonomi dan politik yang lebih cerah dan stabil lagi.

Saya dapat bayangkan kesulitan yang dihadapi oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengimbangi permintaan dan hasrat semua pihak dan kepentingan. Syukur Alhamdulillah, objektif Dasar Ekonomi Baru amnya dan kepentingan rakyat luar bandar khususnya tidak beliau abaikan. Usaha untuk memajukan luar bandar dan mengurangkan kemiskinan merupakan salah satu teras utama Belanjawan tahun ini. Peruntukan sebanyak \$4.5 ribu juta telah disediakan untuknya.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menyuarakan kebimbangan saya mengenai aliran buruh dari desa ke bandar. Ini akan memberi kesan pada pembangunan negara. Kekurangan skim-skim pembangunan tanah untuk menampung lebih tenaga buruh muda desa dan keengganan setengah daripada mereka untuk bekerja di dalam sektor pertanian akan meningkatkan lagi aliran perpindahan dari desa ke bandar. Sudah tentunya pengeluaran dan daya pengeluaran sektor pertanian akan terjejas. Ini adalah kerana apabila ekonomi terus meleset dan harga barangan utama terus jatuh, harapan rakyat luar bandar akan beralih kepada apa yang mereka anggap sebagai kedudukan yang lebih berfaedah di bandar. Masalah tanah terbiar akan menjadi lebih meruncing. Tenaga kerja yang tinggal di desa akan merupakan tenaga kerja yang sudah lanjut umurnya.

Aliran masuk tenaga kerja dari desa akan menambahkan beban pasaran buruh di bandar. Di masa yang lepas kadar pengangguran di bandar adalah lebih tinggi dari kadar pengangguran di luar bandar. Saya jangka kadar pengangguran di bandar akan melebihi kadar purata nasional yang dijangka akan meningkat pada 8.7% dalam tahun 1986 dan 9.5% dalam tahun 1987.

Apa yang lebih membimbangkan lagi adalah bahawa kadar pengangguran akan lebih meningkat di kalangan mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun. Kadarnya akan lebih tinggi di kalangan rakyat Melayu dan India. Di samping pengangguran yang lebih tinggi, aliran tersebut jika ianya tidak diawasi akan memburukkan masalah perumahan, meningkatkan lagi permintaan untuk kemudahan asas dan kebajikan di bandar.

Kita tidak menolak kemungkinan bahawa satu hari bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru

akan dikelilingi dengan kawasan-kawasan setinggan yang menyerupai "ghettoes", dengan izin, ataupun "slums", dengan izin, seperti yang terdapat di New York, Manila dan bandar-bandar di negara-negara Amerika Selatan. Kejayaan Kerajaan dalam masa lalu untuk memindahkan setinggan-setinggan ke rumah-rumah kos rendah akan menjadi sia-sia dalam keadaan kemelesetan yang berlanjutan. Masalah sosial seperti pelacuran, jenayah dan penagihan dadah juga akan timbul. Ini mungkin menekankan lagi tenaga pasukan keselamatan yang pada tahun ini dipotong belanjawannya. Perlulah diingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa komunisme dan komunalisme hidup subur di dalam suasana seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar ini adalah disebabkan ketiadaan faktor-faktor yang mengekalkan dan menarik minat mereka terhadap sektor pertanian. Sektor tersebut dilihat sebagai satu sektor yang mundur. Beberapa langkah perlulah diambil untuk memodenkan sektor ini sebagai usaha untuk menyekat aliran keluar. Langkah Kerajaan untuk menggalakkan petani siswazah adalah satu langkah yang bijak dan patut diberi perhatian yang serius. Program dan sekim seperti ini patut juga diperluaskan kepada mereka yang mempunyai Diploma dan mungkin juga Sijil Tinggi Persekolahan. Modal dan tanah yang lebih besar patut diberi untuk menarik minat mereka.

Adalah diharapkan bahawa petani siswazah ini akan dapat menjadi contoh dan daya penggerak memajukan petani-petani tradisional. Kaum petani sendiri mestilah mengubah gambaran diri mereka sebagai kaum yang sentiasa memerlukan bantuan dan bayangkan diri sebagai kaum yang bermaruah dan disanjung tinggi sebagai tulang belakang masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini usaha memodenkan sektor pertanian tertumpu kepada aspek-aspek pengeluaran dan daya pengeluaran. Pada hemat saya, aspek pemasaran hasil pertanian masih lagi mundur. Petani-petani perlulah didedahkan kepada teknik-teknik yang berkaitan dengan perlindungan harga atau "price hedging", dengan izin. Mereka tidak mempunyai mekanisme yang membolehkan harga dan permintaan masa depan ditentukan. Selama ini, mereka menjadi mangsa orang tengah yang seringkali menggunakan amalan-amalan "non-market", dengan izin, untuk menipu petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya agensi-agensi Kerajaan seperti FAMA, MARA dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur memperkenalkan Pasaran Hadapan atau "Futures Market", dengan izin, yang kedua. Pasaran Hadapan kedua ini dicadangkan supaya mengendalikan pertukaran lot yang kecil dan sempurna dengan pengeluaran petani-petani dan mengandungi semua bahan pengeluaran pertanian seperti telur, buah-buahan, minyak sawit, getah dan lain-lain. Langkah seperti ini akan membolehkan petani melihat dan mengkaji setiap hari permintaan masa depan. Mereka boleh membandingkan harga pengeluarannya dengan harga komoditi-komoditi yang bersaing dengan hasil tempatan, seperti harga kacang soya dibandingkan dengan harga minyak kelapa sawit untuk membantu mereka membuat keputusan untuk terus mengeluarkan hasil atau tidak dalam keadaan ekonomi baik atau buruk.

Pasaran seharusnya menjamin "physical delivery", dengan izin, dan tidak merupakan "paper transaction", dengan izin, sahaja. Margin yang dikenakan mestilah kecil dan senang ditanggung oleh petani-petani. Bank

Pertanian Malaysia, misalnya, bolehlah meminjamkan wang margin dengan hasil pertanian sebagai cagaran sebab bank dan petani boleh menentukan dari masa ke semasa nilai pengeluaran. Selain daripada petani-petani, peniaga runcit, hotel dan pembeli-pembeli lain yang membeli secara blok atau borong mesti dilibatkan. Pasaran demikian rupa sudah tentu akan dapat mencerminkan dengan tepat kos pengeluaran dan permintaan pasar ataupun "market demand", dengan izin, yang sebenar. Harga sepatutnya tidak terikat kepada hayunan liar pasar besar hadapan yang terdapat dewasa ini. Dengan cara ini, kaum petani dapat merancang pengeluaran mereka dalam masa tiga, enam atau dua-belas bulan ke hadapan. Dengan cara ini juga, kaum petani akan diberi pengetahuan, pengajian dan langkah pertama dalam bidang perdagangan perusahaan utama di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan negara kita masih lagi bergantung kepada harga komoditi. Menyentuh tentang daya saingan kita dengan negara-negara lain di rantau ini dan dengan masalah ekonomi yang dihadapi sekarang, eloklah kita mengkaji semula Dasar Luar negeri kita. Adalah pandangan saya bahawa Dasar Luar kita patut dipandu oleh Dasar Ekonomi yang merangkumi sebagai teras utama Dasar Pertanian. Negara-negara yang membeli pengeluaran hasil bumi kita patut diberi perhatian yang lebih dari negara-negara yang lain. Kita tidak boleh bergantung semata-mata dengan permintaan negara-negara maju dan mengeluh lesu apabila permintaan dari negara-negara tersebut menurun. Dasar Luar kita patut direka-bentuk oleh strategi pemasaran kita. Pelanggan kita yang paling baik patut kita jadikan sahabat. Jika strategi ini boleh mengkayakan negara-negara Jepun dan Korea di pasaran Amerika

Syarikat, adalah tidak mustahil ianya tidak boleh menjayakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan strategi yang lebih kreatif dan memandang jauh, kita akan dapat mengatasi masalah kemelesetan yang kita hadapi sekarang ini. Sepertimana yang dikatakan oleh rakan kita dari kalangan kaum Cina, di mana terdapat bahaya disitu juga terdapat peluang. Saya yakin kesulitan-kesulitan yang kita semua akan merasa pada tahun-tahun yang akan datang akan menguji kelayakan kita sebagai pemimpin negara dan jika kita tahan lasak, masalah ini akan memperkukuhkan lagi perpaduan kita.

Strategi-strategi dan cadangan-cadangan yang dibentangkan dalam Anggaran Belanjawan 1987 merupakan tirai untuk kita membuat langkah pertama ke arah masa depan Malaysia yang lebih cerah lagi tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

5.09 ptg.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bersama membahaskan Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumat bersamaan 24hb Oktober, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1987 adalah sesuai dengan keadaan ekonomi negara kita yang meleset akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia. Ianya begitu sederhana dan tidak membebankan sangat rakyat, baik di bandar mahupun di luar bandar. Belanjawan di musim meleset adalah merupakan Belanjawan pengorbanan. Semua peringkat rakyat mestilah sanggup berkorban dan

sanggup menerima apa-apa perubahan, baik perubahan dasar mahupun teknik-teknik pentadbiran. Begitu juga pentadbiran di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri mestilah juga sanggup berkorban dan sanggup membuat perubahan-perubahan teknik pentadbiran bagi menghadapi kemelesetan. Rakyat mesti mengubah sikap kepada rajin bekerja dan membanyakkan pengeluaran hasil bagi menentukan keadaan meleset dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara yang banyak mengeluarkan hasil di sektor pertanian seperti getah, minyak kelapa sawit, koko dan lain-lain. Sejumlah besar keluaran ini adalah dieksportkan ke luar negeri. Langkah Kerajaan untuk memajukan industri berasaskan pertanian adalah dialu-alukan. Sejumlah \$232 juta diperuntukkan bagi menjayakan bidang tersebut. Dengan banyaknya industri tersebut, bukan sahaja kita akan menggunakan bahan-bahan pertanian negara kita sendiri, bahkan juga akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia di mana sekarang seramai 449,000 tenaga buruh yang berada di pasaran dan dijangka meningkat kepada 880,000 dalam tempoh lima tahun lagi.

Di bawah peruntukan ini, sebanyak \$30,000 juta adalah untuk memajukan industri kecil. Industri kecil di antaranya merupakan industri yang akan dibangunkan di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah industri kecil bagi perusahaan kraftangan. Kebanyakan hasil kraftangan Malaysia jika dibandingkan dengan hasil kraftangan negara asing, mutunya agak rendah. Untuk membolehkan mutu hasil kraftangan kita setanding dengan negara asing, latihan kemahiran asas hendaklah diperhebatkan. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia hendaklah memainkan peranan utama di dalam

latihan ini. Jumlah pelatih-pelatih mestilah ditambah, latihan di luar bandar mestilah diadakan iaitu membuat latihan kemahiran di tempat-tempat di mana barang-barang kraftangan diusahakan. Ini boleh mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan jumlah peserta.

Tuan Yang di-Pertua, \$1,037 juta diperuntukkan bagi pelajaran. Hasrat Kerajaan untuk menyediakan keperluan kemudahan pelajaran yang lebih baik kepada penduduk-penduduk luar bandar amatlah berpatutan bagi meningkatkan lagi pencapaian keputusan pelajaran yang baik di luar bandar dan ini membuka lagi peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Walaupun negara Malaysia telah mengeluarkan ramai graduan-graduan daripada universiti-universiti, tetapi kita masih kekurangan 30% tenaga mahir di dalam bidang-bidang jurutera elektronik, perubatan dan undang-undang. Oleh itu, Kerajaan perlu berusaha untuk mengeluarkan graduan-graduan dalam bidang-bidang tersebut bagi memenuhi keperluan negara. Usaha Kerajaan bagi menambahkan bilangan pengambilan pelajar untuk memasuki universiti-universiti tempatan tanpa melibatkan penambahan kakitangan mulai tahun depan amatlah sesuai sekali kerana ini akan mengurangkan pengaliran keluar matawang. Walaupun begitu, jurusan pengkajian yang sesuai dan diperlukan hendaklah dipastikan. Jumlah jam belajar dan sukatan pelajaran yang ditentukan mestilah dipenuhi bagi menjaga mutu graduan-graduan universiti-universiti tempatan, kerana bilangan kakitangan atau kemudahan yang sedia ada tidak ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Pembangunan ialah sebanyak \$6,673 juta. \$4,469 juta akan disediakan bagi meningkatkan taraf kehidupan ekonomi dan sosial penduduk-penduduk luar bandar. Ini adalah satu

petanda baik. Perhatian berat Kerajaan kepada penduduk luar bandar sepatutnya telah lama diutamakan kerana penduduk luar bandar adalah merupakan penyokong kuat kepada Kerajaan sejak sebelum merdeka lagi. Mereka adalah merupakan penentang Bintang Tiga, berjaga malam bergadai nyawa bagi mengawal keselamatan negara dan penentang Malayan Union. Kebanyakan kampung-kampung di luar bandar wujudnya lebih lama dari kampung-kampung tersusun atau bandar-bandar baru. Lojiknya merekalah yang sepatutnya lebih dahulu menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti api, air, jalan, sekolah, pusat-pusat kesihatan dan lain-lain kemudahan asas yang sempurna. Tetapi sehingga sekarang banyak lagi kampung-kampung yang belum menikmati kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan tanah-tanah baru akan diteruskan. Sebanyak \$1,623 juta diperuntukkan. FELDA sahaja sejak 1966 hingga 1985 telah membuka tanah seluas 623,000 hektar dengan menempatkan hampir setengah juta penduduk. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, seluas 175,500 hektar akan diusahakan. Ini akan menampung seramai 33,800 peneroka lagi. Oleh kerana harga minyak kelapa sawit, getah kurang baik, maka keadaan ini amat dirasai oleh penduduk di rancangan FELDA. Bagi mengatasi keadaan kekurangan pendapatan, mereka perlu menjalankan kerja-kerja tambahan seperti menanam sayur-sayuran di sekeliling rumah atau mengusahakan tanaman kontan di tanah-tanah Kerajaan yang berhampiran dengan rancangan-rancangan tanah secara TOL. Kerajaan-kerajaan Negeri perlu memberikan pertimbangan yang sewajarnya di atas permohonan TOL—Milik Tanah Sementara bagi kegunaan tersebut. Kerajaan juga perlu menambahkan alat-alat

pertanian di rancangan-rancangan FELDA dan diberikan secara percuma bagi membajak tanah-tanah tersebut.

Di sini juga saya mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana melanjutkan tempoh pendapatan minima kepada penduduk FELDA sebanyak \$350 sebulan sehingga bulan Mac, 1987. Apa yang diharapkan ialah supaya peserta-peserta FELDA cubalah menyesuaikan diri sekiranya Kerajaan mengurangkan pendapatan minima selepas Mac, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Pejabat Pos adalah semakin meluas penggunaannya kepada rakyat. Mulai tahun 1982 telah menjalankan konsep bayaran setempat, iaitu bayaran bil api, telefon dan cukai pintu. Kementerian Pengangkutan akan cuba memberikan perkhidmatan membarui lesen memandu di Pejabat Pos. Oleh itu Kerajaan perlulah memberikan perhatian supaya bangunan Pejabat Pos di masa-masa akan datang dibina mengikut keluasan yang secukupnya bagi kegunaan tersebut. Di sini saya juga suka mencadangkan supaya Pejabat-pejabat Pos yang sesuai mengadakan juga perkhidmatan mematkan setem dan tempat mengambil kad pengenalan bagi memudahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Maran ialah sebuah daerah yang baru di dalam kawasan saya. Banyak kelengkapan yang perlu diwujudkan bagi menjadikannya sebagai sebuah daerah yang sebenar. Selain daripada melengkapkan dengan pejabat-pejabat Kerajaan, hospital dan masjid daerah perlu diadakan. Pesakit-pesakit di daerah tersebut terpaksa pergi ke hospital Mentakab atau Kuantan di mana hospital-hospital tersebut adalah agak jauh dan sesak. Di bandar Maran hanya mempunyai sebuah masjid kecil, masjid ukuran masjid kampung yang

telah lama dibina. Daerah Maran mempunyai sebuah pusat kesihatan dengan dua orang doktor, seorang doktor gigi dan seorang doktor perubatan bagi melayan 85,000 orang penduduk. Pejabat Pelajaran Daerah perlu diadakan. Sekarang Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah sebanyak 58 buah—49 sekolah rendah, 9 sekolah menengah seramai 30,000 murid adalah di bawah kawalan tiga Pejabat Pelajaran Daerah iaitu Kuantan, Temerloh dan Jerantut. Ini sangat merumitkan. Pejabat Polis Daerah juga belum ada. Ianya perlu dibina bagi menjaga keselamatan di daerah tersebut. Balai Polis bandar Maran sekarang adalah di bawah kawalan Pejabat Polis Daerah Temerloh.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara adalah amat penting. Pembangunan tidak wujud tanpa keselamatan. Oleh itu kita perlu bersama-sama menjaga keselamatan negara. Janganlah ada di antara rakyat Malaysia yang suka melakukan huru hara untuk mencari peluang dan kepentingan tertentu. Sesiapa yang berniat untuk menghuru-harakan negara adalah dianggap pengkhianat.

Tuan Yang di-Pertua, pengedar dadah adalah merupakan pengkhianat dan pengancam keselamatan negara. Hukuman mati yang dikenakan kepada pengedar dadah adalah satu tindakan yang paling tepat. Mereka ini bukan sahaja pengkhianat negara tetapi juga bonfeka yang mencari kekayaan dengan menyeksa orang lain. Kekayaan sedemikian adalah amat jijik dan rendah akhlaknya. Lebih dari 15 gm heroin atau morphine atau campuran, kedua-duanya jika didapati seseorang pengedar bersalah akan dihukum gantung sampai mati. Hukuman ini masih ringan. Kerana 1,000 gm atau 1kg heroin No. 4 boleh membunuh nyawa seramai 30,000 orang, bererti 1gm boleh membunuh 30 orang. 15 gm boleh membunuh 450 orang. Oleh itu saya cadangkan supaya Kerajaan

meminda Akta Dadah Berbahaya dengan menurunkan sukatan berat dadah-dadah berkenaan bagi dikenakan hukuman mati ke atas pengedar-pengedar jika didapati bersalah. Dan juga hendaklah merampas harta-harta pengedar tersebut, harta-harta mereka hendaklah dilelong dan digunakan bagi menampung perbelanjaan program rawatan dan pemulihan penagih.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang adalah di antara negeri-negeri yang banyak rampasan dadah dibuat kerana negeri-negeri ini adalah bersempadan dengan negara "tiga segi emas". Oleh itu Kerajaan hendaklah menguatkan kawalan dan membuat penyerbuan-penyerbuan di negeri-negeri tersebut bagi mengurangkan pengedaran dadah di negara kita. Insya Allah, saya percaya kalau Kerajaan bersungguh-sungguh bagi menghapuskan bahaya dadah ini dengan dapat kerjasama semua peringkat bahaya tersebut boleh dikurangkan dengan banyaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

5.22 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun 29 tahun yang telah berlalu sejak negara kita mencapai kemerdekaan tetapi perkara-perkara dan soalan-soalan orang cacat di negara ini masih diketepikan oleh beberapa rintangan yang menghalang mereka dari menjalani kehidupan yang lebih selesa dan berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa bilangan orang cacat yang berada di negara ini tidak kurang daripada 10% atau 1.6 juta berbanding dengan penduduk yang ada dalam tahun 1986 iaitu 16.109 juta tetapi statistik yang diperolehi ini oleh Kerajaan hanya terdapat 139,000 orang cacat sahaja pada tahun 80an. Statistik pada tahun 1986 tidak dapat disebutkan. Mungkin kerana pihak Kerajaan tidak mengambil berat terhadap orang-orang cacat tetapi keadaan kesulitan yang dihadapi oleh orang-orang cacat tidak boleh diabaikan.

Malangnya isu mengenai orang cacat ini pertama kali dimunculkan di Parlimen oleh pihak Pembangkang tetapi soal siapa yang mengutarakannya tidaklah penting malahan ini adalah suatu perkara yang telah lama diabaikan. Masalah orang cacat tidak seharusnya dianggap sebagai perkara yang memerlukan simpati. Malah dia harus menimbulkan soal dalam hati sanubari kita sama ada kami mempunyai obligasi moral terhadap orang cacat untuk membolehkan mereka menjalani hidup yang lebih bererti tanpa sebarang halangan.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita sedang menempuhi Rancangan Malaysia Kelima dan negara kita telah pun mencapai pembangunan dan kemajuan dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Namun demikian, orang cacat masih tertinggal sebagai golongan yang kurang bernasib baik oleh kerana rancangan-rancangan yang diadakan bagi mereka selama ini tidak tertumpu kepada pemulihan cara keseluruhannya untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat umum. Selama ini penglibatan Kerajaan dalam usaha membantu orang cacat adalah melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat yang diberi tugas memelihara dan menjaga sahaja dengan menempatkan

mereka di rumah-rumah kebajikan, pusat latihan dan bengkel.

Tuan Yang di-Pertua, peranan memelihara ini tidak menggalakkan orang cacat berintegrasi ke dalam masyarakat untuk membolehkan mereka berfungsi secara berkesan. Kita harus sedar bahawa orang cacat tidak perlukan kedermawanan dan simpati. Sebaliknya mereka perlu rancangan-rancangan dan tindakan-tindakan yang akan membolehkan mereka berdikari supaya dapat menyambung lagi ke arah bidang pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini Kerajaan harus menubuhkan suatu bidang kuasa untuk mengadakan rancangan-rancangan bagi orang-orang cacat di peringkat daerah dan juga di peringkat kebangsaan. Badan ini juga harus diberi tugas menggubal undang-undang untuk memastikan rancangan-rancangan tersebut dilaksanakan secara berkesan. Dia harus meliputi bidang pelajaran, pekerjaan serta latihan, perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, soal pendidikan. Sekolah-sekolah bagi orang cacat, buta dan mereka yang terencat akal yang ada sekarang tidak mencukupi. Lebih banyak sekolah khas harus didirikan kalau boleh di setiap negeri dan di setiap kawasan-kawasan yang terpencil juga. Pada masa ini tidak ada sekolah bagi mereka khususnya untuk orang-orang cacat. Golongan ini sebenarnya tidak memerlukan pendidikan atau sekolah khas. Mereka ini dapat menghadiri sekolah biasa tetapi hanya memerlukan pengubahsuaian untuk mereka-mereka di tempat-tempat atau di bangunan-bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pekerjaan, tidak ada sebarang

peruntukan undang-undang di Malaysia untuk mengamalkan sistem kuota bagi menawarkan pekerjaan bagi orang-orang cacat. Walaupun tiadanya undang-undang dalam bidang ini namun masih ada banyak usaha yang boleh diamalkan untuk membuka peluang pekerjaan kepada orang cacat. Pihak Kerajaan selaku majikan yang terbesar di negara ini boleh menunjukkan jalan dengan menawarkan pekerjaan yang sesuai bagi orang-orang cacat. Pengecualian cukai boleh diberi kepada pihak swasta untuk menggalakkan mereka mengambil pekerja-pekerja cacat.

Tuan Yang di-Pertua, soal perumahan. Sebahagian besar usaha Kerajaan terhadap pemulihan orang cacat adalah dengan menempatkan mereka di rumah-rumah kebajikan dan ini menyebabkan mereka terencil daripada masyarakat umum. Didapati bahawa reka bentuk, dengan izin, conventional rumah-rumah kediaman tidak sesuai bagi orang-orang cacat. Jadi pengubahsuaian harus dilakukan untuk memenuhi keperluan orang-orang cacat. Bagi orang cacat yang kebanyakannya berpendapatan rendah mereka tidak mampu hendak membeli rumah tanpa pula menanggung perbelanjaan lagi bagi mengubahsuaikannya. Adalah disyorkan di sini supaya beberapa unit rumah di setiap rancangan perumahan diubahsuaikan bagi orang-orang cacat, unit-unit di tingkat bawah rumah ataupun di rumah pangsa juga harus dikhaskan bagi orang-orang cacat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan kemudahan di tempat awam, seorang cacat juga harus diberi peluang untuk menikmati kemudahan-kemudahan awam dan sosial. Untuk berbuat demikian, ia harus dapat masuk ke dalam dan bergerak dengan mudahnya di kawasan-kawasan di mana terdapat kemudahan-kemudahan tersebut. Jadi, rekabentuk serta piawaiannya patut diubahsuaikan untuk memberi

kemudahan-kemudahan kepada mereka bukan hanya di tempat kediaman juga di bangunan-bangunan seperti kompleks membeli belah, panggung wayang, hospital, pondok telefon, taman rekreasi, muzium dan sebagainya. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menjaga kepentingan orang-orang cacat yang terletak di Wisma Shen pun tidak mempunyai kelengkapan atau kemudahan-kemudahan untuk orang-orang cacat. Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah kita sebut kalau orang-orang cacat hendak datang ke Parlimen ini pun tidak dapat kemudahan-kemudahan untuk menaiki sampai ke Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal yang lain seperti pengangkutan. Pengangkutan yang lazim digunakan di Malaysia ialah jalan raya. Oleh kerana tiadanya pengangkutan awam yang sesuai bagi orang-orang cacat, mereka terpaksa memperolehi kenderaan sendiri dan mengubahsuaikannya. Pada masa ini setiap kali sebuah kenderaan diubahsuaikan, setiap kali kelulusan harus diperolehi. Tidak ada, dengan izin, procedure seragam bagi pengubahsuaian kenderaan walaupun ini membolehkan separuh daripada orang-orang cacat bergerak secara bebas, mereka masih menghadapi masalah dalam hal setempat letak kereta oleh kerana tidak ada tempat khas bagi tujuannya. Bagi kebanyakan mereka yang tidak mampu membeli kenderaan sendiri, kemudahan pengangkutan awam harus disediakan untuk kegunaan tanpa sebarang kesulitan bagi orang-orang cacat. Majoriti orang cacat bergantung kepada alat-alat seperti kerusi roda, alat pendengar dan sebagainya dalam kehidupan seharian. Alat-alat ini tidak dapat diperbuat dalam negara kita dan harus diimportkan. Adalah disyorkan bahawa alat-alat ini dikecualikan daripada cukai import sebab ianya merupakan keperluan asas dan bukannya barangan.

Soal peluputan cukai. Oleh kerana kos menanggung anak yang cacat memakan belanja yang lebih, ibubapa yang mempunyai anak cacat patut diberi luputan cukai yang berpatutan. Begitu juga orang cacat yang bekerja harus diberi peluang luputan cukai yang berpatutan kerana kos sara hidup mereka adalah lebih tinggi apabila berbanding dengan orang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memahami kesulitan orang-orang cacat adalah diri sendiri menduduki di atas kerusi roda beberapa hari tanpa menggunakan kaki dan tangan, baharulah mereka dapat menikmati apakah rasa sebenarnya. Satu negara sama ada "matured" atau tidak bergantung kepada negara itu cara dan maruahnyanya terhadap orang-orang cacat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal Kementerian Pelajaran. Dalam Belanjawan bagi tahun 1987, Kementerian Pelajaran dapat diperuntukkan dengan jumlah wang sebanyak \$4,043,944,600. Menurut kenyataan Menteri Pelajaran, Kerajaan tidak akan memberi bantuan subsidi kepada sekolah-sekolah di kawasan bandar, sebaliknya menurut pengertian Yang Berhormat Menteri Pelajaran, semua perbelanjaan akan dikumpulkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar sahaja. Kenyataan begini amatlah mengejutkan. Sungguhpun kemelesetan ekonomi negara kita masih merosot, bantuan kewangan tidak sewajarnya dan tidak seharusnya diperuntukkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar sahaja. Peruntukan ini perlu juga diberi kepada sekolah-sekolah di bandar-bandar termasuk sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu kebanyakan sekolah di bandar memang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang

mencukupi. Kerajaan tidaklah boleh mengeneipkan atau mengabaikan keperluan bantuan subsidi tersebut. Perhatian perlu diberi kepada bilik-bilik darjah, meja kerusi, bangunan sekolah dan perpustakaan sebab sebagaimana sudah melebihi jangka masa 30 tahun lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Sistem 3M, iaitu "Membaca, Menulis dan Mengira" yang baru dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Kemudahan-kemudahan seperti alat-alat pengajaran bagi semua sekolah termasuk yang berada di bandar mahupun di luar bandar mestilah dilengkapi dengan seberapa cukup yang boleh. Oleh yang demikian, peruntukan wang mestilah diberi dengan seimbang supaya matlamat 3M akan dapat dicapai pada dasar keseluruhannya. Kita bercita-cita agar semua rakyat jelata mendapat pendidikan tinggi supaya mereka menjadi orang-orang yang berpengetahuan dan bertanggungjawab dan terus mewujudkan sebuah masyarakat dan negara bersepadu, berdisiplin dan taat setia yang diamalkan dalam Rukunegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedia maklum bahawa semua sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah telah dibahagikan di dalam kategori "sekolah kebangsaan" dan "sekolah jenis kebangsaan". Bagi sekolah-sekolah Cina dan Tamil masing-masing dinamakan "sekolah rendah jenis kebangsaan Cina" atau "sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil" memanglah tidak adil, kerana Kerajaan tidak memberi bantuan wang dengan sepenuhnya seperti yang didapati oleh sekolah-sekolah kebangsaan rendah baik di dalam bandar mahupun di luar bandar dan patutlah diberi bantuan kepada semua sekolah-sekolah yang terdapat di aliran pelajaran negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami berharap Kerajaan akan melayan semua sekolah-sekolah dengan saksama tanpa mengira sama ada sekolah itu sekolah jenis kebangsaan ataupun sekolah kebangsaan dan juga tanpa mengira sama ada sekolah itu terletak di kawasan bandar atau di luar bandar dan bantuan subsidi mestilah diteruskan. Janganlah sekali bagi orang-orang lain menganggap bahawa sekolah-sekolah jenis kebangsaan adalah sebagai anak kolong ataupun anak piatu.

Tambahan pula kami menyeru kepada pihak Kerajaan supaya mempercepatkan dalam proses pengambilan guru-guru pelatih, sedangkan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil menghadapi kekurangan guru-guru terlatih. Masalah tersebut boleh diselesaikan sekiranya Kerajaan memberi peluang untuk mereka di dalam kursus pengajaran. Ini menandakan bahawa Kerajaan telah memberi keadilan saksama kepada semua aliran sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menunjukkan satu contoh bahawa Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2.2 juta kepada 44 buah sekolah rendah kebangsaan Negeri Johor di antaranya hanya sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil yang mendapat bantuan wang. Mengapa langsung tidak ada sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina pun diberi bantuan dalam jumlah perbelanjaan wang sebanyak \$2.2 juta ini. Adakah pelaksanaan ini dianggap adil dan saksama?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ketika ini Kerajaan sudah pun melaksanakan dasar 3M di peringkat sekolah rendah tahun yang keempat. Malangnya kebanyakan kelas-kelas di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina terpaksa menempatkan sekurang-kurangnya 40 orang hingga 50 orang

murid di dalam satu kelas. Keadaan dan suasana begini amat tidak sesuai untuk pelajar-pelajar mempelajari mengikut dasar 3M. Jika Kerajaan tidak akan lagi memberi bantuan kepada sekolah-sekolah seperti ini dengan cara apakah yang boleh untuk memperbaiki masalah yang rumit ini.

Kerajaan tidak berhasrat menambah bantuan wang kepada sekolah-sekolah yang sedang menghadapi masalah kewangan. Adalah sebahagian sekolah yang menghadapi kekurangan wangnya untuk membayar bil-bil elektrik dan air.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang bagi 3M di sekolah-sekolah yang memiliki bilangan murid yang rendah, masalahnya mungkin tidak akan timbul oleh kerana Kerajaan memperuntukkan \$3,000 bagi sekolah-sekolah yang ada kelas 3M. Subsidi tambahan juga akan diberi kepada setiap kelas 3M, tambahannya sebanyak \$200 setahun, jika sekolah itu memiliki bilangan murid yang tertinggi. Masalahnya sekolah itu mengadakan sepuluh kelas 3M ialah akan mendapat peruntukan wang sebanyak \$5,000 setahun dibahagikan dengan 12 bulan, ia hanya dapat \$416 sebulan sahaja. Jumlah wang yang didapati itu mungkin tidak cukup membayar bil-bil elektrik dan air masing-masing. Manakah pentadbiran sekolah seperti ini sanggup membeli alat-alat mengajar yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat dukacita bahawa saya mengetahui keadaan ini tidak timbul dari sekolah-sekolah kebangsaan. Pada masa sekarang Kerajaan ingin lagi mengurangkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan itu. Langkah ini amat mengecewakan hati semua rakyat tetapi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil sedang dan akan menghadapi dilemma, dengan izin, yang serius iaitu kekurangan wang

untuk menjalankan dan melanjutkan pengajarannya ataupun, standard, dengan izin, pengajaran di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan semakin lama semakin merosot.

Ibubapa mungkin hilang keyakinan terhadap sekolah-sekolah Cina dan Tamil akibatnya sekolah-sekolah seumpama ini akan dibubar atau ditutup tanpa Kerajaan menggunakan Akta Pelajaran 1961, Seksyen 21 (2).

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober tahun 1982, bekas Timbalan Menteri Pelajaran pernah memberi janji dan telah juga mengumumkan bahawa Kerajaan akan memberi bantuan sebanyak \$1 juta untuk membina semula Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Bercham di dalam kawasan Kepayang apabila satu pilihanraya kecil diadakan pada masa itu. Saya berhasrat ingin tahu bilakah Kerajaan akan siap sedia wang tersebut supaya ia boleh disampaikan kepada pihak sekolah tersebut, jika tidak, mengapa. Saya berharap Kerajaan Barisan Nasional jangan lagi memberi janji kosong, ini akan mencanggahkan dengan konsep Barisan Nasional iaitu Bersih, Cekap dan Amanah. Manakah amanah itu jika perjanjian Menteri pun tidak dapat ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin sebutkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berjanji akan memperuntukkan sebanyak \$100,000 kepada Sekolah Menengah Shin Chai—sekolah suwa di Ipoh sebelum Pilihanraya Umum 1986 untuk memperkembangkan kelas dan kemudahan komputer. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak juga berjanji akan memberi bantuan kewangan sebanyak \$100,000 lagi kepada Sekolah Menengah Pui Lam, sekolah suwa di Ipoh. Saya ingin tahu mengapa kedua-dua peruntukan wang tersebut masih belum

disampaikan kepada kedua-dua pihak sekolah masing-masing. Semua rakyat tidak mahu cara yang tidak bersih seperti ini ataupun tidak amanah seperti ini yang akan dimain-mainkan ataupun diketepikan oleh pemimpin-pemimpin kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sedikit sebanyak tentang bidang pertanian. Setiap tahun Kerajaan berkata ia akan menitikberatkan kepentingan perkembangan pertanian. Menurut rekod-rekod pengeluaran pertanian dalam tempoh sepuluh tahun ini, kita dapat ketahui bahawa perkembangan pertanian bertambah merosot tiap-tiap tahun berturut-turut.

Pada sepuluh tahun yang lepas perkembangan pengeluaran pertanian di negara kita ini telah menanggung setengah pekerja-pekerja yang berada di dalam jumlah bilangan pekerja-pekerja di seluruh negara. Satu pertiga bagi Keluaran Negara Kasar (KNK) pada masa itu adalah daripada hasil pengeluaran pertanian sehingga tahun ke 80an ini hasil pengeluaran pertanian menurun sampai 22% KNK. 40% daripada jumlah hasil pengeluaran akan diramalkan pada tahun 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bimbang adakah jalan-jalan atau cara-cara yang penting untuk mengatasi kemelesetan ekonomi itu menumpu segala tenaga di dalam perkembangan pertanian, mungkin ini adalah satu cara yang betul. Ia boleh meningkatkan hasil pengeluaran negara dan ia akan memandu negara mengurangkan import-import makanan supaya dapat menjimatkan pengaliran mata wang keluar negeri. Jika perkembangan pertanian dapat dicapai dengan sepenuhnya, masalah import barangan makanan memang tidak perlu dipertimbangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses perkembangan untuk meninggikan hasil pertanian, saya mencadangkan

bahawa tanaman padi amatlah penting. Dalam Laporan Anggaran Belanjawan 1987, kita dapat ketahui bahawa kita hanya boleh mengeluarkan 81% daripada jumlah hasil pengeluaran padi di dalam negara ini. Menurut statistik pada tahun 1985, kita hanya mengeluarkan 192,000 tan metrik padi, pada tahun 1986 ia menurun kepada 188,520 tan metrik sahaja, kemudian diramalkan menurun sebanyak 0.5% ataupun kepada 187,780 tan metrik pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) terpaksa mengimport 19% ataupun sebanyak 200,000 tan metrik padi pada tahun 1986 untuk keperluan dalam negara dan import ini juga akan diramalkan meningkat sehingga 22% lagi pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan akan menarik balik tanah-tanah yang terbiar, kemudian tanah-tanah tersebut itu diberikan kepada penanam yang berhasrat menanam padi. Tambahan pula Kerajaan perlulah menggalakkan kaum petani menanam dua atau tiga kali setahun tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian, segala peraturan di bawah Kanun Tanah Negara patut diubahsuai untuk menambah pengeluaran padi. Segala halangan mesti diketepikan, supaya setiap inci tanah dapat membawa kesan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Lau Dak Kee: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan langkah-langkah seperti di bawah perlulah dipertimbangkan:

- (1) Kerajaan Pusat, selaras dengan Kerajaan Negeri akan mengubahsuai satu

undang-undang supaya Suratan Hakmilik Tanah dipanjangkan sehingga 99 tahun untuk mudah mendapatkan pinjaman daripada bank atau institusi kewangan iaitu tidak ketakutan tanah akan diambil balik oleh Kerajaan.

- (2) Membenarkan kepada semua pemilik tanah bagi menanam apa-apa tanaman pada jangka masa pendek di tanah masing-masing tanpa mengira tanah itu diperuntukkan sebagai perindustrian, perumahan atau lain-lain syarat, jika tanah itu belum digunakan untuk tujuan yang tertentu. Kita akan dapat menjimatkan sebanyak \$3 ribu juta daripada pengimportan makanan setiap tahun.
- (3) Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menggalakkan petani-petani mengikuti Rancangan Buku Hijau menanam tanaman-tanaman yang tidak melebihi lima tahun hasil punggutannya, sambil mengeluarkan Suratan Hakmilik sementara tanpa cukai.
- (4) Sesiapa yang ingin menjalankan cucuk-tanam sayur-sayuran, berternak ayam itek atau membela ikan, hasil punggutan itu tidak melebihi tempoh dua tahun, hanya perlu mendaftarkan nama mereka di Pejabat Tempatan atau Pejabat Tanah/Daerah tanpa sebarang permohonan yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada beberapa bidang atau Kementerian akan saya sentuh tetapi oleh kerana masa begitu singkat, di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.55 ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bangun di Dewan yang mulia ini kerana ingin turut bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 1987 yang ada di hadapan kita dan saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan ini yang mana sangat-sangat saya hargai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada petang 24hb Oktober, 1986 adalah satu Belanjawan yang begitu amat mencabar sekali kepada semua pihak termasuklah pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan itu sendiri, siapa yang bertanggungjawab menyediakan rangka Belanjawan itu dan juga rakyat jelata negara ini pada keseluruhannya. Saya katakan demikian kerana dalam keadaan ekonomi negara yang begitu lembap, maka keberanian dan ketegasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam membuat rangka Belanjawan tersebut adalah begitu tercabar kerana ia terpaksa berhadapan dengan dua keadaan yang amat bertentangan di antara satu dengan lainnya. Kedua-dua keadaan ini adalah merupakan suatu faktor utama yang harus diambil kira dalam penyediaan rangka Belanjawan tersebut iaitu:

- (i) Mengambil kira keperluan Belanjawan yang agak tinggi dalam usaha untuk memenuhi keperluan rakyat jelata yang sudah biasa dengan taraf hidup yang agak tinggi.
- (ii) Mengambil kira tentang keadaan ekonomi negara yang begitu rendah serta agak membimbangkan di mana dalam keadaan inilah, maka Yang Berhormat Menteri berkenaan amat tercabar untuk

memberanikan diri mengambil tindakan yang tegas untuk mengurangkan belanjawan bagi keperluan rakyat jelata seperti untuk pembangunan dan sebagainya.

Dalam pada ini Yang Berhormat Menteri Kewangan ini juga terpaksa berusaha untuk meningkatkan pendapatan negara dengan cara mengambil beberapa tindakan yang positif seperti satu daripadanya ialah dengan menaikkan kadar cukai ke atas beberapa barang dagangan seperti yang terkandung dalam rangka Belanjawan tersebut. Ini antara lainnya ialah cukai jualan ke atas rokok dan minuman keras yang telah dinaikkan daripada 10% kepada 15%, kadar faedah pinjaman perumahan dan kereta kakitangan Kerajaan daripada 4% kepada 6%, mengenakan cukai 100% ke atas pencen kedua yang diterima oleh ahli-ahli politik dan segolongan pegawai Kerajaan, mengurangkan kadar elaun keraian dan perumahan Pegawai Tingkatan Tertinggi sebanyak 10% dan pembayaran elaun perjalanan untuk pegawai Kerajaan semasa menjalankan tugas.

Jika difikirkan secara terperinci, tindakan tegas yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang diterangkan itu adalah amat logik sekali demi untuk keseimbangan Belanjawan negara kita pada tahun 1987, kerana di samping Kerajaan memperhitungkan keutamaan bagi kepentingan rakyat jelata yang sentiasa ingin menikmati taraf hidup yang tinggi dan tentunya memerlukan peruntukan belanjawan yang tinggi, tetapi satu perkara yang harus dianggap sebagai terpenting sekali ialah mengenai iklim ekonomi negara kita yang semakin membimbangkan dan sebab itulah Belanjawan 1987 ini dirangka dalam keadaan sedemikian, demi untuk perseimbangan kepada keadaan negara kita dalam konteks keadaan

ekonomi negara yang lembap dan keperluan rakyat yang agak tinggi. Maka dengan itu adalah menjadi satu keharusan bagi semua rakyat jelata yang bertanggungjawab di negara ini supaya menunjukkan rasa cintanya kepada negara dengan cara membuat pengorbanan menerusi kesanggupan untuk menerima Rang Undang-undang Belanjawan tersebut.

Walaupun ianya agak membebankan segolongan rakyat yang terjejas dengan kenaikan cukai dan kadar faedah pinjaman perumahan dan kereta serta pengurangan elaun keraian dan perjalanan ketika menjalankan tugas, tetapi saya percaya bahawa kesannya tidaklah begitu buruk sekali dan kita merayu kepada golongan ini agar akan tetap menunjukkan rasa sayangnya kepada negara Malaysia yang tercinta ini dengan sedia berkorban untuk turut bersama membebankan masalah yang dihadapi oleh negara ini akibat iklim ekonomi yang buruk dengan cara sedia bertolak ansur dan berkorban untuk menerima Belanjawan itu kerana tidak siapa yang dapat kita persalahkan sangat, selain daripada keadaan ekonomi negara kita. Walau bagaimanapun, saya mempunyai kepercayaan bahawa kedudukan Belanjawan negara kita pada tahun 1987 ini yang begitu keras tidaklah akan berada dalam keadaan sedemikian terus menerus, tentunya ia akan berubah bila keadaan ekonomi negara kita beransur pulih dan meningkat ke taraf yang dicita-citakan. Rakyat jelata tidak seharusnya begitu cepat hilang keyakinan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang keyakinan rakyat kepada Kerajaan, saya percaya ianya bukanlah suatu perkara yang boleh diukur dengan keadaan Belanjawan negara. Apa yang paling mustahak ialah kejujuran Kerajaan dalam menjalankan tanggungjawab secara adil dan

saksama terhadap semua rakyat jelata di seluruh negeri-negeri yang bersekutu dalam Malaysia tanpa mengira bangsa, keturunan, agama dan kebudayaan. Pihak Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyelesaikan sesuatu perkara yang merupakan masalah bagi sesuatu negeri itu. Dalam konteks ini izinkanlah saya melanjutkan huraian saya dengan memberi contoh seperti berikut.

Pertama, bila terjadi rusuhan di negeri Sabah pada tahun lalu, yang mana telah mengakibatkan pembakaran ke atas beberapa buah bangunan dan letupan-letupan bom yang telah mengakibatkan beberapa nyawa manusia melayang. Nampaknya, pihak Kerajaan Pusat begitu lama mengambil tindakan yang tegas untuk -campurtangan menyelesaikan kejadian yang tidak diingini itu. Jika Kerajaan Pusat telah menjalankan tanggungjawabnya dengan sepenuhnya, kejadian itu tidak akan melarat seburuk itu. Reaksi yang hampir-hampir negatif yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat adalah amat menyedihkan kepada pihak yang terjejas dengan rusuhan tersebut dan membuat mereka hampir-hampir hilang keyakinan terhadap kejujuran Kerajaan Pusat.

Namun demikian, syukurlah kita kepada Tuhan yang maha adil serta pengasih lagi penyayang, kerana keadaan yang tidak diingini itu akhirnya reda juga dan kini keadaannya telah pun pulih seperti sedia kala. Bagaimanapun saya merayu kepada Kerajaan agar membuat kejadian itu sebagai satu pelajaran sekiranya kejadian seperti itu terulang lagi ataupun apa jua jenis kejadian yang tidak diingini akan berlaku, bukan sahaja di negeri Sabah tetapi di lain-lain negeri dalam Malaysia. Dalam hal ini saya merayu kepada pihak Kerajaan Pusat akan campurtangan dengan Kerajaan negeri untuk

menyelesaikan bayaran-bayaran ganti-rugi kepada mangsa-mangsa rusuhan di negeri Sabah. Walaupun Kerajaan Pusat menerusi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah pun menyatakan dalam jawapan mulut kepada soalan tambahan saya pada petang 30hb Oktober, 1986, bahawa Kerajaan tidak akan membayarnya, tetapi sekurang-kurangnya pihak Kerajaan Pusat akan campurtangan untuk mengambil tindakan yang positif mendesak pihak yang berkenaan untuk membuat pembayaran dengan seberapa segera yang terdaya. Semoga dengan campurtangan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat seperti itu maka terpupuklah kembali keyakinan dengan teguhnya di antara Kerajaan dan rakyat jelata di negara Malaysia yang tercinta ini.

Kedua, Kerajaan juga adalah dirayu agar mengambil perhatian berat ke atas keselamatan rakyat Sabah yang begitu terdedah sekali kepada bahaya keganasan perompak-perompak asing yang bermaharajalela di Laut Sulu. Saya fikir saya tidak payah berikan bukti yang panjang lebar, kerana saya percaya Kerajaan sendiri pun sedar dengan kejadian yang telah berlaku di Lahad Datu pada tahun lalu di mana beberapa nyawa manusia yang tidak bersalah terkorban. Beberapa kejadian rampasan di pulau-pulau yang berhampiran dengan Sandakan, Kudat dan satu kejadian rampasan lagi telah berlaku pada 25hb Oktober, 1986 di antara jam 4.00 hingga 8.00 pagi. 7 orang asing yang dipercayai orang Filipina lengkap dengan senjata buatan Amerika, United States made Armilite and Garrant rapid fire rifles, dengan izin, telah menyerbu merampas \$40,000 wang tunai dan harta benda di salah sebuah perkampungan nelayan dalam Daerah Baluran, Sandakan. Saya percaya kejadian seperti itu bukanlah kejadian yang terakhir dan ia pasti berlaku lagi di satu hari nanti. Inilah yang menyebabkan rakyat

Sabah tinggal dalam rasa ketakutan, bimbang dan ragu sepanjang masa, terutama sekali rakyat yang tinggal di perkampungan sepanjang persisiran pantai.

Justru itu dengan Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan yang mana saya adalah sangat-sangat bersetuju dan menyokongnya, maka saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan dengan amat sangat agar memperuntukkan dengan secukup-cukupnya untuk tujuan pertahanan di sepanjang persisiran Laut Sabah demi untuk keselamatan dan ketenteraman rakyat Malaysia yang tinggal di negeri itu.

Bercakap tentang pembangunan, pada keseluruhannya, saya adalah sehaluan dengan rakan-rakan seperjuangan saya yang lain dari Sabah iaitu Ahli dari Penampang dan dari Pensiangan, agar pihak Kerajaan akan memberi keutamaan kepada pembangunan-pembangunan di negeri Sabah dalam Persekutuan Malaysia yang turut memberi sumbangan yang terbesar kepada ekonomi negara ini. Tetapi sebaliknya kadar kemiskinan atau incidence of poverty, dengan izin, di negeri itu adalah tertinggi sekali jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, sebagaimana yang telah dihuraikan dengan secara terperinci oleh Ahli dari Penampang dalam ucapannya yang lalu. Antara lainnya pembangunan-pembangunan yang saya maksudkan itu adalah seperti berikut ini:

(i) *Pembangunan Pertanian*

Kerajaan adalah diminta untuk memberi perhatian berat kepada pembangunan pertanian di negeri Sabah. Kemudahan-kemudahan haruslah disediakan dan begitu juga dengan bantuan bahan-bahan tanaman seperti perkakas untuk pagar, bibit-bibit yang bermutu tinggi, baja serta pengetahuan atau technical-know-how, dengan izin, sebagai galakan

kepada rakyat terutama sekali belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang menganggur untuk menceburkan diri dalam bidang ini.

Projek seperti ini adalah amat mustahak terutama sekali di negeri Sabah, memandangkan ianya mempunyai kawasan tanah yang terbentang luas, sesuai dengan perusahaan pertanian. Dengan adanya projek seperti itu, maka secara langsung ia akan dapat memberi galakan kepada masyarakat kita untuk menceburkan diri ke dalam usaha perniagaan yang berasaskan pertanian selaras dengan salah satu matlamat dasar ekonomi negara Malaysia. Yang paling penting sekali ialah ke arah penambahan produktiviti negara.

Selain daripada itu, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengemukakan beberapa projek yang amat diperlukan sekali di kawasan yang Kota Belud yang telah mereka harapkan sekian lama, semoga ianya dapat dilaksanakan daripada Belanjawan yang telah diperuntukkan bagi tahun 1987.

Pertama, menaikkan taraf jalan raya Kota Belud ke Ranau, sepanjang lebih kurang 22 batu atau Kota Belud—Ranau By-pass, dengan izin, kepada taraf lebuhraya serta menurapnya dengan tar dalam kadar seberapa segera yang terdaya, memandangkan kepada keadaan jalan raya tersebut yang begitu buruk dan telah menjadi sungutan masyarakat sejak mula mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia pada tahun 1963. Untuk mengikuti keterangan lanjut mengenai keadaan jalan raya ini, sila rujuk ucapan ke atas perbahasan Titah Di Raja saya pada petang 10hb Oktober, 1986.

Kedua, melaksanakan rancangan untuk membina lebuhraya Brungis-ke Kota Belud-Brungis-Kota Belud

Highway, dengan izin. Apa yang saya difahamkan daripada sumber yang layak dipercayai, projek tersebut sudah lama dalam cadangan dan dengan itu saya berharap agar cadangan tersebut tidak akan tinggal cadangan sahaja memandangkan ianya adalah amat diperlukan demi untuk memperbaiki perhubungan jalan raya di antara Ibu Kota dan Daerah Kota Belud.

Ketiga, menaikkan taraf jalan raya-jalan raya yang telah dibuat oleh Jabatan Kerjaraya Negeri. Pejabat Daerah dan juga pihak Penguasa Tempatan, iaitu tegasnya Majlis Daerah Kota Belud menaikkan taraf jalan-jalan tersebut serta menurap dengan tar adalah amat penting memandangkan kepada keadaan jalan raya-jalan raya itu adalah hanya boleh disebut sebagai jalan raya pada nama sahaja, walhal ianya tidak dapat dilalui oleh sebarang kenderaan pada waktu musim hujan, kecuali jalan raya-jalan raya tersebut diturap dengan tar, baharulah ianya mendatangkan manfaat kepada rakyat. Dalam hal ini akan saya susuli nanti dengan permohonan rasmi ke atas jalan raya-jalan raya yang dimaksudkan, semoga ianya dapat diberikan pertimbangan yang positif.

Keempat, bekalan tenaga elektrik. Memandangkan masih banyak lagi kampung-kampung di kawasan saya dalam Daerah Kota Belud, maka saya merayu kepada pihak Kerajaan menerusi Kementerian berkenaan agar tidak akan melupakan Daerah itu dalam pembahagian peruntukan bagi pelaksanaan projek bekalan tenaga elektrik di bawah Skim Pelaksanaan Bekalan Tenaga Elektrik Luar Bandarnya dalam tahun 1987 ini, agar rakyat berkenaan yang telah sekian lama mengidamkan bekalan tenaga elektrik itu agar mereka dapat menikmatinya dalam kadar seberapa segera yang terdaya.

Kelima, pembinaan bangunan-bangunan sekolah rendah. Kerajaan menerusi Kementerian berkenaan adalah diminta untuk mengambil berat tentang pembinaan bangunan-bangunan sekolah rendah, terutama sekali di tempat-tempat yang benar-benar memerlukannya, demi untuk pembelajaran anak-anak seperti di salah sebuah kampung di kawasan saya yang dipanggil kampung Podos. Kampung Podos ini adalah salah satu kampung yang terpencil sekali di Daerah Kota Belud, kampung yang mempunyai bangunan sekolah yang paling hampir ialah lebih kurang 3 batu dengan melintasi jalan raya yang berbukit-bukau. Walaupun jarak 3 batu itu tidaklah jauh sangat bagi orang-orang dewasa, tetapi bagi anak-anak yang baru mencapai umur persekolahan, iaitu 7 tahun, tentu sekali sulit baginya untuk pergi ke sekolah dengan jalan kaki yang berulang-alik setiap hari, di bawah matahari yang terik dan kadangkadangkad hujan lebat. Kampung Podos telah lama memohon sekolah rendah sejak tahun 60an lagi hinggalah pada masa ini. Untuk pengetahuan pihak Kerajaan pada masa ini, oleh sebab penduduk di kampung itu tidak ketinggalan untuk menyahut seruan Kerajaan untuk melengkapkan anak-anak dengan ilmu pelajaran, maka mereka telah dengan sukarela membina sebuah bangunan sekolah atas perbelanjaan sendiri serta mendirikannya dengan secara gotong-royong dan mengambil dua orang guru daripada mission Seventh Day Adventist, dengan izin, dengan gaji guru-guru dibayar daripada yuran sekolah anak-anak mereka yang begitu agak tinggi. Maka, dengan itu adalah menjadi harapan saya yang amat sangat agar Kementerian Pelajaran akan memberi keutamaan bagi pembinaan sebuah sekolah di kampung itu daripada Belanjawan 1987 supaya bebanan yang terpaksa dipikul oleh para ibu-bapa di kampung itu selama ini akan dapatlah kiranya diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya mengambil kesempatan ini untuk mendaftarkan bantahan saya ke atas ura-ura Kerajaan untuk mengurangkan pekerja-pekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan atau sebagainya sekiranya keadaan ekonomi negara akan terus menjadi buruk. Saya bukan tidak sedar dengan bebanan Kerajaan, tetapi apalah kiranya jika Kerajaan dapat berusaha dengan sedaya upaya untuk menyelamatkan keadaan itu, kalau tidak, tentu sekali tindakan untuk mengurangkan pekerja-pekerja itu akan menambahkan lagi masalah pengangguran di kalangan belia dan beliawanis yang dihadapi oleh negara selama ini yang begitu membimbangkan.

Buat akhir kata, saya fikir ucapan saya ini tidak akan sempurna jika saya tidak mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah mengambil pertimbangan yang begitu tepat sekali menerusi tindakannya untuk mengurangkan kadar cukai keuntungan harta tanah dan menghapuskan duti eksport 5% ke atas lembu hidup demi untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha ternakan menembusi pasaran luar negeri. Tindakan beliau sedemikian itu adalah jelas membuktikan betapa Kerajaan mengambil berat tentang pembangunan perusahaan yang berasaskan sumber-sumber tempatan dan begitu juga dengan penghapusan semua duti ke atas beberapa jenis alat yang digunakan oleh pesakit kencing manis. Itu adalah menunjukkan betapa Kerajaan mengambil berat tentang kebajikan masyarakat kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibul.

6.12 ptg.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengemukakan beberapa pendapat saya terhadap Ucapan Belanjawan tahun 1987 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986.

Bagi rakyat jelata, Belanjawan tahun 1987 boleh dikatakan tidak menyakitkan tetapi bagi sebahagian rakyat yang besar bilangannya yang sedang berkhidmat dalam Kerajaan, ianya memang sangat menyakitkan pada amnya jika dipandang dari segi "take home wage", dengan izin. Terhadap langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan kadar faedah ke atas pinjaman perumahan dan kereta bagi anggota-anggota pentadbiran dari 4% ke 6%, saya berpendapat cadangan ini adalah bertentangan dengan perjanjian yang telah ditandatangani antara peminjam dan pihak Kerajaan. Tetapi polisi baru itu adalah juga bercanggah dengan satu langkah yang baru-baru diambil oleh Kerajaan sebaik sahaja selepas pilihanraya untuk mengambil pegawai sambilan yang berbilang besar dan menerima sebanyak \$600 sebulan setiap orang. Nampaknya pegawai sambilan itu akan dibayarkan dengan potongan gaji dari kakitangan Kerajaan yang tetap dan telah lama berkhidmat dengan dedikasi. Ini adalah satu dasar yang sangat agak mengelirukan dan langsung tidak wajar.

Saya ingin mengesyorkan supaya perkhidmatan pegawai sambilan ini ditamatkan serta-merta. Dengan cadangan baru itu kakitangan Kerajaan tetap terpaksa membayar lebih untuk menampung kos faedah setiap bulan yang merupakan satu potongan gaji kerana ianya bermakna bahawa seorang pegawai yang telah mengambil pinjaman perumahan

sebanyak \$30,000 dan sedang membayar \$170 sebulan, sekarang terpaksa membayar \$210 sebulan, iaitu satu kenaikan pembayaran sebanyak \$40 sebulan. Sekiranya pegawai itu layak meminjam \$90,000, jumlah kenaikan pembayaran yang perlu dibayar adalah sebanyak \$110 sebulan. Ini bermakna pegawai yang dalam kategori A dan B yang layak meminjam \$130,000, kenaikan faedah adalah \$160 sebulan dan seorang pegawai di Tingkatan Tertinggi "G" sebaliknya akan berkurangan \$245 di dalam gaji bulanannya. Ini hanya merupakan satu kekurangan gaji kepada pegawai yang telah mengambil satu pinjaman perumahan sahaja. Sekiranya sepasang suami isteri telah mengambil pinjaman bercantum, tambahan kos kepada mereka akan lebih besar dan sekiranya pegawai ini mengambil pinjaman kereta juga, potongan terhadap gaji akan lebih besar lagi.

Saya ingin mengetahui adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar atas implikasi-implikasi yang akan berpunca daripada langkah-langkah ini sebelum ianya dicadang dan atas kemungkinan ianya akan menjejaskan "efficiency" dan "productivity", dengan izin. Dengan mengambil angka "average" seseorang sebanyak \$100 sebulan yang dipulangkan balik sebagai kenaikan faedah ini dan sekiranya lebih kurang 300,000 daripada kakitangan Kerajaan di Malaysia akan dilibatkan oleh langkah-langkah tersebut, saya menyangka lebih kurang \$30 juta keupayaan membeli, dengan izin, "purchasing power" akan dikeluarkan dari ekonomi negara sebulan. Dapatkah ekonomi negara menampung kerugian keupayaan membeli ini dan bolehkah pihak peniaga dapat terus berniaga dengan kehilangan wang begitu banyak dalam pasaran? Saya mengharapkan satu jawapan yang memuaskan daripada pihak Kerajaan. Oleh itu, saya ingin

merayu kepada Kerajaan untuk hanya mengenakan faedah 6% itu terhadap peminjam-peminjam baru sahaja.

Perihal berhubungan dengan

potongan 10% terhadap elaun kerajaan dan perumahan bagi Anggota-anggota Kabinet dan Kakitangan Tertinggi Kerajaan, saya rasa potongan yang lebih besar boleh dipertimbangkan. Sekiranya 2% kenaikan terhadap pinjaman perumahan dan kereta dimansuhkan untuk pinjaman yang sedia ada, saya berpendapat bahawa satu potongan daripada 30% hingga 50% elaun-elaun itu boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh cadangan Kerajaan untuk menghadkan perjalanan oleh kakitangannya. Saya menyokong langkah ini dengan penuh dan ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan perkara-perkara seperti berikut ini:

- (1) Pegawai-pegawai yang sekarang layak menggunakan Kelas Pertama dalam perjalanan diturunkan ke "Business Class" sahaja.
- (2) Pegawai-pegawai yang layak kepada Kelas Ekonomi Penuh dibenarkan berjalan hanya dengan kadar "Excursion Fare" sahaja.
- (3) Bahawa elaun hotel apabila bertugas di luar negeri ditetapkan sepertimana diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan No. 2 Tahun 1976.

Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pegawai-pegawai, termasuk Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Exco Negeri layak tinggal di mana-mana sahaja hotel semasa di luar negeri dengan tidak dikenakan had kadar sewaan hotel. Saya ingin mengesyorkan bahawa satu had kepada sewaan dikenakan oleh pihak

Kerajaan dan saya pasti langkah ini akan menjimatkan wang pertukaran asing yang besar.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat untuk mempertimbangkan supaya semua import—semua import, saya ulangi, dibuat atas dasar "Cost and Freight" (C&F) sahaja, dengan izin. Dan semua eksport—semua eksport, saya ulangi, dibuat atas dasar CIF. Ini bermakna semua insurans dagangan akan dibeli di Malaysia dan dengan itu akan mengurangkan pengaliran kewangan matawang negara keluar daripada negeri. Langkah ini sedang dilaksanakan di beberapa negara maju, termasuk Amerika Syarikat. Memandangkan bahawa jumlah import ke negeri ini mencapai beberapa billion ringgit setahun, saya percaya langkah ini akan menjimatkan banyak pembayaran insurans di luar negeri sekiranya insurans ini dibeli di Malaysia. Langkah ini juga akan memberi suatu impetus kepada syarikat-syarikat insuran di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan masih bercadang untuk melaksanakan projek Lebuhraya Utara-Selatan. Projek ini akan memakan belanja lebihkurang \$3.5 hingga \$4 billion. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan bahawa memandangkan keadaan ekonomi yang meleset sekarang, adakah Malaysia memerlukan Lebuhraya seperti ini? Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan projek tersebut ditangguhkan kepada suatu masa akan datang apabila ekonomi Malaysia telah pulih. Saya bukan menghalang pembangunan semata-mata. Saya memang sedar bahawa sesuatu sistem lebuhraya yang cekap diperlukan. Namun demikian, saya pastikan bahawa Kerajaan akan menghadapi satu financial burden, dengan izin, yang besar sekiranya Lebuhraya itu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang sangat penting ingin juga saya sentuh iaitu pembinaan lapangan terbang baru Sibu. Saya kesal mendapati bahawa peruntukan sebanyak \$100 juta untuk tahun 1986 hingga 1990 telah dipotong dan \$10 sahaja diperuntukkan sebagai penggantinya untuk tahun 1987. Ini adalah sekali lagi menghampakan seluruh rakyat di Bahagian Ketiga, Bahagian Keenam dan Bahagian Ketujuh Negeri Sarawak, khususnya rakyat Sibu. Pada masa baik projek itu diketepikan, pada masa buruk projek itu yang telah dicadangkan selama 13 tahun dahulu tidak dapat dilaksanakan, kononnya kerana ekonomi negara sudah sangat merosot. Jadi, timbullah satu persoalan iaitu **adakah Kerajaan Persekutuan ikhlas** terhadap projek ini yang telah dijanji sejak awal tahun 1970an dan pun telah diumumkan ketepatan pembinaannya pada tahun 1986 oleh Perdana Menteri sendiri, bekas Menteri Pengangkutan dan beberapa Menteri Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengetahui bilakah sebenarnya projek Lapangan terbang baru Sibu yang sudah lama dihasratkan boleh dilaksanakan. Saya merayu kepada pihak yang berkuasa supaya memahami perasaan tidak puas hati dan kekecewaan orang ramai Sibu dan bersungguh-sungguh mempertimbangkan permulaan pembinaan projek itu pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan raya di negeri Sarawak iaitu infrastruktur, adalah diperhatikan bahawa terdapatnya banyak jalan raya yang tidak elok dan tidak dikendalikan dengan sebaik-baiknya. Misalnya Jalan Padawan/Jalan Penrissen yang merupakan satu jalan yang paling panjang di kawasan Kuching semasa Regim Brooke di mana terdapatnya bahagian-bahagian jalan yang tidak ditar lagi. Kedua-dua jalan tersebut adalah jalan yang lama dan keadaan

tanahnya pun padat dan dalam pada itu Kerajaan bolehlah menggunakan simen untuk meninggikan taraf jalan tersebut serta menurunkan harga kos pembinaan. Keadaan sedemikian juga boleh dilihat di Jalan Padawan di mana di hujung jalan tersebut satu skim mini-hidro sudah pun dilaksanakan. Di kawasan-kawasan yang lain di Sarawak seperti Jalan Kwong Ming dan Jalan Sungai Mina di kawasan Sarikei di mana terdapat di antara 700 hingga 1,000 keluarga yang tinggal di kawasan tersebut, tetapi kemudahan jalan adalah jauh daripada yang memuaskan.

Di kawasan Bintangor pula adalah Jalan Maradong/Jalan Bakong, satu jeep-track yang menghubungkan **kampung-kampung di kawasan itu** telah pun dibina dengan bantuan Kerajaan serta diselenggarakan oleh penduduk-penduduk itu melalui peruntukan Projek Kecil Luar Bandar. Jalan seperti itu sepatutnya terletak di bawah golongan jalan pembangunan memandangkan di situ terdapatnya petani-petani koko dan lada hitam. Jalan raya merupakan salah satu daripada kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat dan dalam hubungan ini, saya ingin menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerjaraya mengambil alih jalan-jalan seperti yang saya sebutkan tadi di seluruh Sarawak dan membina jalan-jalan yang baru untuk memenuhi keperluan rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan hendaklah memperuntukkan lebih banyak lagi sumber-sumber kewangan untuk menyediakan bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Kebanyakan rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar banyak bergantung kepada air hujan atau sungai untuk sumber-sumber keperluan mereka. Kawasan-kawasan seperti Sibu, Sarikei dan

Bintangor sedang giat dengan usaha dan penanaman koko dan lada hitam dan perusahaan seperti itu memerlukan bekalan air yang banyak. Di sebalik itu, kegiatan pertanian yang intensif menimbulkan masalah penggunaan racun serangga yang berkemungkinan mencemarkan sungai dan dengan demikian rakyat di luar bandar tidak boleh lagi bergantung kepada sumber-sumber air sungai untuk bekalan air terutama semasa musim kemarau di mana pihak Jabatan Kerjaraya menghantar tanker-tanker air ke kawasan-kawasan tersebut. Tambahan lagi, di beberapa kawasan penduduk-penduduknya terpaksa mendapatkan bekalan air dari punca sungai yang terletak jauh dari kampung-kampung mereka dan ini tentu menyusahkan rakyat di kawasan-kawasan tersebut. Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan untuk membekalkan air paip ke kawasan-kawasan seumpama itu, khususnya kepada kawasan-kawasan yang boleh dihubungi dengan paip air dan bagi kawasan yang terpencil kemudahan-kemudahan paip hendaklah diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu pelabuhan dinamakan Pelabuhan Tanjong Mani di Bahagian Keenam, negeri Sarawak perlulah dibangunkan untuk dijadikan pelabuhan yang boleh memainkan peranan yang lebih aktif untuk menyediakan kemudahan kepada Bahagian-bahagian Kedua, Ketiga, Keenam dan Ketujuh, negeri Sarawak. Kawasan Tanjong Mani merupakan satu pelabuhan yang semula jadi dan ianya adalah satu saluran untuk mengeksport products bagi negeri Sarawak dari Bahagian-bahagian yang saya sebutkan tadi. Dengan adanya satu pelabuhan yang lengkap Kerajaan akan dapat pertukaran wang asing. Saya menggesa supaya Kerajaan memulakan kajian kemungkinan untuk membangunkan Pelabuhan Tanjong Mani itu.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik juga merupakan salah satu daripada kemudahan-kemudahan asas yang sangat diperlukan oleh rakyat supaya mereka dapat menjalankan berbagai aktiviti untuk memajukan diri sendiri. Skim bekalan elektrik luar bandar di negeri Sarawak belum lagi dinikmati oleh semua rakyat yang tinggal di luar bandar, khususnya di Bahagian-bahagian Ketiga, Keenam, Ketujuh yang masih menunggu bekalan elektrik. Saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya mempercepatkan lagi bekalan elektrik ke kawasan luar bandar dengan menambahkan lagi peruntukan untuk tujuan tersebut.

Berkenaan dengan pendidikan adalah mendukacitakan untuk mengetahui bahawa tiap-tiap tahun negeri Sarawak mengalami masalah buku teks yang dibekalkan dengan lewat. Masalah ini tentu akan menjejaskan kemajuan pendidikan murid-murid sekolah di seluruh Sarawak. Oleh kerana terdapatnya keadaan di mana buku-buku teks hanya dapat diterima oleh sekolah-sekolah selepas penggal pertama tahun persekolahan.

Negeri Sarawak juga memerlukan lebih banyak lagi kelas-kelas Tingkatan VI supaya murid-murid sekolah dapat menyediakan diri untuk menghadapi peperiksaan STPM dan pengajian tinggi di universiti dan kolej. Sehingga hari ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok boleh sambung.

Tuan Tieu Sung Seng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.